

PUTERI • Ariana 3 Rumah Superlink 2 Tingkat

Kediaman Pilihan Untuk Kehidupan Pelbagai Generasi

Raikan kehidupan yang diidamkan di Puteri Ariana 3 yang direka khas untuk kehidupan berkeluarga, sesuai untuk setiap lapisan generasi. Rumah superlink 2 tingkat ini menawarkan rekabentuk mesra alam serta teknologi berkonsepkan kelestarian melalui penggunaan panel suria dan sistem penuaian air hujan.

Mari bersama kami untuk ketahui info lanjut dan pakej menarik yang tersedia.

PREVIU EKSklusif

**Galeri Jualan Kota
Puteri Crown City**

**18 Januari 2025,
10 pagi - 4 petang**



*Gambar ilustrasi pelukis

010-928 0187
03 5022 0188



pkns.gov.my

PKNS HOMES

**PKNS
HOMES**

**KOTA PUTERI
CROWN CITY**

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor

Bahagian Jualan Hartanah, Tingkat 3, Blok B, No.2, Jalan Indah 14/8, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

No. Ijesen pemaju: 9062/11-2028/1331(A) Tarikh sah: 04/11/2023-03/11/2028 No.permit iklan & jualan: 9062-125/11-2026/1006(N)-(L) Tarikh sah: 04/11/2024 - 03/11/2026 Pihak berkuasa yang meluluskan petan bangunan: Majlis Perbandaran Selangor No. kelulusan petan: BI (25) dm MPS3/2-1371/455(PB(A))F.4B(I) Status hakmilik: Pajakan selama 84 tahun berakhir pada 14 September 2104. Bebanan tanah: Tiada. Tarikh jangka siap: Disember 2026. Jenis rumah: Rumah Teres 2 Tingkat. Bilangan unit: 25 unit (24' x 80') Harga minima: RM826,100 Maksima: RM994,400
Sekatan-sekatan kepentingan: Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau digadai melainkan dengan kebenaran pihak Berkuasa Negeri.

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA. MAKLUMAT PEMAJUAN BOLEH DISEMAK DI PORTAL TEDUH.KPKT.GOV.MY

Serah 3,000 kad sim percuma

SHAH ALAM - Seramai 3,000 mahasiswa anak Selangor bakal menerima kad modul pengenalan pelanggan (SIM) dengan data internet percuma untuk menyokong pembelajaran mereka.

Ketua Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) Ahmad Azri Zainal Nor berkata pemberian selepas Aidilfitri itu turut melibatkan mahasiswa negeri di semua institusi pengajian tinggi.

"Ini khas untuk anak Selangor yang sedang melanjutkan pelajaran. Kad SIM lengkap data internet ini dapat memudahkan urusan pembelajaran dan dibagikan percuma selama setahun.

"Inisiatif ini sekali gus dapat menyelesaikan isu wifi di kampus. Kita harap usaha negeri ini akan memberi manfaat besar kepada penerima," katanya pada 14 Januari.

Kreativiti arca unik tahan karat

SHAH ALAM - Kemakmuran rakyat berlainan agama dan kaum yang saling menghormati memberi ilham kepada Abdul Muthalib Musa untuk menghasilkan sebuah rekaan unik di Bandar Elmina.

Menurut pengarca itu, penghasilan The Wealthy Horizons daripada logam corten yang digunakan dalam pembinaan kapal dan kontena menjadi bahan utama kerana tahan cuaca serta karat.

"Sangat sesuai untuk dijadikan sebagai bahan utama dalam karya ini meski pun ia akan berkarat, namun ia akan menghasilkan warna yang menarik," katanya yang mengambil masa setahun untuk siap.

Penerima ijazah sarjana muda reka bentuk dari University of Adelaide, Australia itu turut mengakui bertuah kerana diberi peluang menghasilkan ilham yang mencabar dan unik.

"Karya tersebut bukan sahaja mencerminkan kreativiti seni tetapi juga membuka ruang kepada masyarakat untuk memainkan peranan dalam pembangunan Bandar Elmina," katanya lagi.

IMBAS DI SINI
akhbar digital minggu lepas



Orang Asli Mah Meri terima basikal

KUALA LANGAT - Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah berkenan menyerahkan sumbangan basikal dan kelengkapan sekolah kepada 75 pelajar daripada komuniti Mah Meri sekitar Pulau Carey di sini.

Sumbangan berkenaan bagi meringankan beban pelajar dari Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Bumbun, SK Sungai Judah, dan Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Carey sempena Maj-

lis Pemerkasaan Komuniti Mah Meri pada 14 Januari.

Baginda turut berkenan menyerahkan barangan keperluan asas kepada 80 keluarga Orang Asli selain peralatan memproses bahan anyaman buat tujuh kumpulan wanita Mah Meri bagi meningkatkan pengeluaran produk pelancongan sepanjang Tahun Melawat Selangor 2025.

Pengarah Perkampungan Budaya

Mah Meri (MMCV) Pulau Carey Rashid Esa berkata sumbangan tersebut antara usaha membantu komuniti Orang Asli seluruh negeri termasuk di daerah Sepang, Gombak dan Hulu Langat.

"Setiap hujung tahun kami juga akan berikan hadiah bagi penyuntik semangat pelajar terpilih samada yang cemerlang dalam peperiksaan atau mereka yang mencatat kadar peratusan kedatangan sekolah yang tinggi," katanya.

Pusat beli-belah konsep terbuka

640,000 kunjungi Elmina Lakeside

Oleh **SHEEDA FATHIL**

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan merasmikan pusat beli-belah Elmina Lakeside dan Elmina Outdoor Sculpture Museum.

Baginda bersama DYMM Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Hajah Norashikin turut melawat pameran dan mendengar taklimat projek yang dibangunkan Sime Darby Property.

Menurut Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya Dato' Seri Azmir Merican, sebanyak 99 peratus lot premis di Elmina Lakeside disewa sejak beroperasi Ogos tahun lalu.

Katanya, pusat beli-belah berkeluasan lebih 200,000 kaki persegi di tanah seluas 17.2 ekar (6.96 hektar) berkonsep reka bentuk terbuka bertujuan mengurangkan penggunaan pendingin hawa.

Beliau juga memberitahu pusat beli-belah berkenaan menggamit kira-kira 180,000 pengunjung pada minggu

awal pembukaan sebelum mencecah purata 640,000 pengunjung setiap bulan.

"Penambahan strategik ini menggabungkan peruncitan dan alam semula jadi mewujudkan pengalaman beli-belah unik dan menyokong gaya hidup moden," katanya pada 11 Januari.

Azmir berkata Elmina Outdoor Sculpture Museum pula mempamer arca artis tempatan melalui pameran sulung yang menampilkan arca 'The Wealthy Horizons' karya Abdul Muthalib Musa.

Tulang belakang semikonduktor

SHAH ALAM - Selangor akan menjadi tulang belakang ekonomi negara dan memainkan peranan dalam pembangunan industri semikonduktor serta teknologi melalui pengenalan Dasar Speed Selangor.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata dasar tersebut bagi memendekkan kelulusan merancang sesebuah kawasan industri seterusnya menjadikan negeri ini hab penting negara.

Beliau memberitahu pembinaan taman reka bentuk litar bersepadu (IC) di Puchong dan Cyberjaya pula memban-

tu Malaysia bersaing pada peringkat antarabangsa.

"Selangor sebagai tulang belakang ekonomi negara akan terus memainkan peranan strategik dalam pembangunan industri semikonduktor dan teknologi," katanya di Facebook.

Beliau menghadiri Forum Ekonomi Malaysia 2025 yang dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 9 Januari.

Menurut Amirudin, forum membariskan pakar industri dan ekonomi

tempatan dan antarabangsa membuka ruang untuk merangka masa depan ekonomi seiring Malaysia sebagai Pengerusi Asean 2025.

Dalam Belanjawan Negeri 2025, Dasar Speed Selangor diperkenal bagi memendekkan tempoh kelulusan kebenaran merancang kawasan industri daripada 3.5 bulan kepada 14 hari.

Dasar berkenaan sejajar agenda pentadbiran negeri sebagai pemudah cara perniagaan selain memberi tumpuan kepada industri baharu bertapak di Selangor.

Capaian rangkaian 5G akhir tahun

SHAH ALAM - Capaian rangkaian 5G di kawasan berpenduduk dinikmati sepenuhnya di Selangor pada akhir tahun ini, kata EXCO Pembudayaan Inovasi Dr Mohammad Fahmi Ngah.

Beliau memberitahu pentadbiran negeri dan pihak berkuasa tempatan membantu Digital Nasional Berhad (DNB) mempercepat kelulusan pemasangan menara bagi pelaksanaan menyeluruh 5G.

"Sebanyak 97 peratus dicapai hujung tahun lalu dan sasaran 100 peratus pada hujung tahun ini ditetapkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

"DNB akan menjadi penyelia kepada syarikat telekomunikasi untuk memastikan pemasangan menara dibuat mengikut tempoh ditetapkan," katanya pada 8 Januari.

Menurut Dr Fahmi, kekangan un-

tuk mencapai sasaran tersebut antaranya bantahan penduduk selain tempoh kebenaran merancang mengambil masa lama dan kekurangan dana penyedia perkhidmatan.

Selangor mahu menyediakan akses internet rangkaian 5G di seluruh kawasan pada tahun ini bagi mencapai matlamat negeri pintar menerusi kerjasama SKMM seterusnya mendigitalkan masyarakat.



ARCA... Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj (dua, kiri) berkenan menerima cenderahati dalam majlis perasmian pusat beli-belah Elmina Lakeside dan Elmina Outdoor Sculpture Museum di Bandar Elmina, Shah Alam pada 11 Januari. Foto MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN ▶ BERITA MUKA 2

Pasukan khas dianggotai pakar

Sasar jadi hab reka bentuk cip global

Oleh **SHEEDA FATHIL**

SHAH ALAM - Pasukan Petugas Semikonduktor ditubuh bagi mencapai matlamat Selangor sebagai hab reka bentuk cip global dalam tempoh lima tahun lagi, kata EXCO Pelaburan Ng Sze Han.

Beliau memberitahu pasukan yang bakal dipengeruskannya itu berperanan menyelaras pelbagai aspek industri termasuk rantai bekalan, pembangunan bakat dan perancangan strategik.

"Pasukan ini mengadakan sekurang-kurangnya empat kali mesyuarat setahun untuk menyelaras segala usaha dalam semua aspek industri.

"Kita yakin kepakaran setiap ahli pasukan mempercepat inisiatif negeri sekali gus membawa ke arah kedudukan peneraju dalam sektor semikonduktor," katanya dalam kenyataan pada 7 Januari.

Pasukan itu ia turut dianggotai Perunding Foxconn Datuk Lai Yit Long, Ketua Pegawai Maklumat Khazanah Nasional Datuk Hisham Hanidan, Pengeru-

si BlueChip VC Datuk Seri PY Lai dan Pengarah Urusan The Hive Southeast Asia Datuk Syed Haizam Jamalullail.

Sze Han berkata pasukan itu berperanan membangunkan empat taman reka bentuk litar bersepadu (IC) dalam lima tahun bagi menarik puluhan firma semikonduktor dalam dan luar negara.

"Usaha ini dijangka jana kira-kira RM100 bilion dalam hasil eksport dan RM38 bilion potensi pendapatan selain mengukuhkan kedudukan negara dalam industri teknologi tinggi global," katanya.

Sektor aeroangkasa berkembang

SHAH ALAM - Selangor mengukuhkan kerjasama dengan Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) bagi membincangkan pembangunan sektor aeroangkasa dan semikonduktor yang berkembang di negeri ini.

Menurut EXCO Pelaburan Ng Sze Han, pihaknya menerima kunjungan Pengarah Urusan Khazanah Dato' Amirul Feisal Wan Zahir bagi membincangkan perkara tersebut pada 9 Januari.

"Kerajaan Negeri berharap kedua-dua sektor berimpak tinggi ini boleh

digerakkan bersama dan seiringan dengan persekutuan melalui Khazanah, MBI Selangor dan Sidec," katanya.

Mesyuarat itu yang dipengerusi Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari disertai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) Dato' Ts Saipolyazan M Yusop dan Ketua Pegawai Eksekutif Sidec Yong Kai Ping.

Amirudin sebelum ini menyasarkan Selangor bakal menjadi tulang belakang ekonomi negara dan memainkan

peranan penting dalam pembangunan industri semikonduktor serta teknologi.

Menurutnya, negeri juga bersedia untuk menjadi hab penting melalui pengenalan Dasar Speed Selangor yang membantu memendekkan tempoh kelulusan merancang sesebuah kawasan industri.

Beliau juga menjelaskan pembinaan taman reka bentuk litar bersepadu di Puchong dan Cyberjaya turut membantu Malaysia bersaing pada peringkat antarabangsa.

Mohon BINGKAS di saluran rasmi

SHAH ALAM - Permohonan inisiatif Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS) hanya dibuka menerusi laman sesawang bingkasselangor.com dan aplikasi Langkah Masuk Dengan Selamat (SELangkah) bagi mengelakkan penipuan.

EXCO Kebajikan Masyarakat Anfaal Saari menegaskan sebarang maklumat berkaitan permohonan BINGKAS yang disebar di Facebook atau WhatsApp adalah tidak sah dan tidak rasmi.

"Pemohon BINGKAS diingatkan supaya berhati-hati. Kerajaan Negeri tidak pernah mewujudkan sebarang 'Facebook page' untuk tawaran bantuan BINGKAS.

"Saya ingatkan orang ramai yang ingin memohon bantuan BINGKAS supaya menggunakan dua saluran rasmi sahaja elak diperdaya sindiket," katanya pada 15 Januari.

Tambah Anfaal, Kerajaan Negeri membuat laporan kepada pihak Facebook untuk tindakan penutupan, namun masih terdapat pihak tidak bertanggungjawab membuka laman baharu.

Edar kupon RM10 di bazar Ramadan

SHAH ALAM - Program Platform Selangor (PLATS) Masuk Bazar diteruskan sepanjang Ramadan ini melibatkan peruntukan RM40,000, kata ketua Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan).

Ahmad Azri Zainal Nor berkata pihaknya akan mengedar Kupon Digital Rahmah bernilai RM10 di lima bazar terpilih bagi meringankan beban orang ramai membeli juadah berbuka selain mempromosi jualan peniaga.

"Kita agih 4,000 kupon digital bernilai RM10. Setakat ini kita akan laksana di lima lokasi namun akan bertambah mengikut keperluan.

"Bazar terpilih akan diumumkan nanti selepas pihak berkuasa tempatan mengenal pasti lokasi sama ada tapak baharu atau bazar yang memang popular," katanya pada 14 Januari.

Agih RM200,000 geran pelancongan

KUALA LANGAT - Geran bagi mendorong penggiat industri pelancongan menghasilkan produk baharu mula diagih pada hujung bulan ini, kata ketua pegawai eksekutif Tourism Selangor.

Menurut Chua Yee Ling, geran bernilai RM200,000 diserahkan kepada 20 persatuan pelancongan bertujuan merencanakan lagi kempen Tahun Melawat Selangor 2025.

"Setiap penggiat industri bakal menerima insentif RM10,000 sebagai galakan kepada mereka untuk menghasilkan produk baharu yang lebih unik sekali gus menarik pelancong tempatan dan luar.

"Geran penggiat industri pelancongan ini akan diperluas untuk siri kedua dan terbuka kepada pertubuhan bukan kerajaan," katanya pada 12 Januari.

RM1 juta baiki kemudahan sekolah

SHAH ALAM - Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI menyediakan peruntukan RM1 juta bagi membaik pulih prasarana sekolah di seluruh negeri pada tahun ini.

Ketuanya Ahmad Azri Zainal Nor menjelaskan dana tahunan tersebut bertujuan meningkatkan lagi kemudahan sedia ada sekali gus menambah baik mutu pembelajaran pelajar.

"Setiap tahun Yayasan MBI menyediakan peruntukan khas bagi program pembangunan pendidikan termasuk baik pulih prasarana sekolah.

"Tahun ini, RM1 juta akan diagih kepada sekolah yang perlu naik taraf kemudahan. Semoga bantuan ini memanfaatkan pelajar dan warga pendidik," katanya pada 10 Januari.

Pada 8 Januari, Yayasan MBI menyerahkan sumbangan pembaikan prasarana RM50,000 kepada lima sekolah terpilih sekitar Klang.

Institusi terlibat adalah Sekolah Kebangsaan (SK) (1) Jalan Meru, SK Sungai Udang, SK Telok Gadong, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Convent dan SMK Sri Andalas.

Kerjasama urus tempat letak kereta

SHAH ALAM - Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI mahu mewujudkan pengurusan parkir yang menawarkan faedah dan kemudahan kepada rakyat.

Justeru, mana-mana syarikat berpengalaman dan berkelayakan dipelawa untuk bekerjasama bagi membangunkan pengurusan tempat letak kenderaan.

"Pemilihan syarikat dilaksanakan melalui proses permintaan untuk cadangan (RFP) bagi memberikan peluang yang saksama kepada syarikat yang berminat.

"Dokumen RFP boleh dimuat turun melalui www.mbiselangor.com dan semua cadangan hendaklah dihantar sebelum 12 tengah hari pada 22 Januari," kata kenyataan pada 8 Januari.

Menurut MBI, pengurusan tempat letak kenderaan dapat mempertingkatkan tahap kecekapan seterusnya memastikan penggunaan ruang yang optimum dan mengurangkan kesesakan pada waktu puncak.

MBI turut memaklumkan pengurusan pintar itu antara lain berperanan menyokong matlamat yang lebih luas termasuk memacu transformasi digital Selangor melalui keputusan berasaskan data.

Pakar cadang umur persaraan anjal

SHAH ALAM - Usaha menggajikan lebih ramai tenaga kerja wanita dan generasi lebih berusia penting untuk perkembangan ekonomi.

Menurut Pakar Ekonomi Kanan Bank Dunia Shakira Teh Sharifuddin, kemahiran dan pengalaman pekerja lebih berusia perlu diiktiraf dan dihargai sekali gus menangani diskriminasi usia.

"Majikan memang ingin mengambil pekerja daripada generasi lebih berusia tetapi cabaran yang mereka hadapi ialah diskriminasi. Harus ada langkah yang menggalakkan antidiskriminasi.

"Kita juga perlu menaikkan umur

persaraan minimum dan memperkenal umur persaraan anjal bagi membawa lebih ramai golongan senior dan lebih berusia," katanya pada 9 Januari.

Beliau dalam Forum Ekonomi Malaysia di Kuala Lumpur di ibu negara menjelaskan hanya 40 peratus tenaga kerja berusia 40 tahun ke atas dan angka berkenaan dianggap sangat rendah.

"Ini isu yang sangat kompleks dan sensitif tetapi kita boleh memberi peluang lebih inklusif kepada generasi lebih berusia untuk peluang kerja jika mereka mahu.

"Lebih penting menghargai ke mahiran, pengalaman dan keadaan peribadi mereka," katanya yang turut menekankan kepentingan penyertaan tinggi wanita dalam tenaga kerja.

Shakira menjelaskan ia selaras Kerangka Ekonomi Madani yang menyasar 60 peratus menjelang tahun ini, naik empat peratus berbanding 56 peratus pada masa ini.

Beliau memberitahu peluang wanita dalam pekerjaan perlu dipertingkatkan tanpa mengambil kesempatan terhadap mereka dengan membayar gaji rendah atau menetapkan sasaran tidak adil.

Peluang mohon tunai bulanan mulai 1 Februari

7,563 kekosongan bantuan RM300

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

SHAH ALAM - Permohonan baharu Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS) dibuka mulai 1 Februari melibatkan 7,563 kekosongan, kata EXCO Kebajikan Masyarakat Anfaal Saari.

Beliau menjelaskan permohonan tersebut dibuka setiap tiga bulan, bergantung kepada kekosongan kerana ada penerima yang tamat tempoh se-

cara berperingkat selepas dua tahun menerima manfaat.

"BINGKAS menawarkan bantuan RM300 sebulan selama 24 bulan untuk pembelian barangan keperluan asas seperti makanan, ubat-ubatan serta kelengkapan pendidikan.

"Setakat permohonan dibuka pada Julai tahun lalu hingga 6 Januari, seramai 22,437 penerima mendapat bantuan ini," katanya pada 7 Januari.

Permohonan boleh dibuat selama sebulan itu melalui aplikasi Langkah

Masuk Dengan Selamat (SELangkah) atau laman sesawang www.bingkaselangor.com

BINGKAS antara insentif Iltizam Selangor Penyayang yang dilancarkan pada 2022, menggantikan skim Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) dan KISS IT (Ibu Tunggal).

Mulai tahun lalu, syarat permohonan baharu BINGKAS dilonggar kepada isi rumah bawah RM5,000 berbanding RM3,000 sebelum ini supaya lebih ramai keluarga menerima manfaat.

Yazid ketuai sekretariat SUKMA

SHAH ALAM - Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Mohd Yazid Sairi dilantik sebagai ketua pegawai eksekutif sekretariat Sukan Malaysia (SUKMA) yang bakal berlangsung pada 2026.

Menurut EXCO Sukan Najwan Halimi, Mohd Yazid berpengalaman luas dalam bidang pentadbiran awam selain menjadi timbalan ketua kontinjen Selangor pada SUKMA di Sarawak pada

tahun lepas.

Katanya, Venu Ramadass, bekas pengurus saluran Astro Arena, bekas perunding penyiaran dan penerbitan penganjuran Sukan SEA Kemboja 2023, pula dilantik sebagai ketua pegawai operasi.

"Pelantikan ini sebahagian proses awal untuk memastikan temasya SUKMA Selangor 2026 dapat dilaksanakan dengan lancar dan berjaya," menurut beliau dalam kenyataan pada

9 Januari.

Najwan berkata sekretariat menyelaraskan hal berkaitan jabatan dan agensi negeri termasuk pihak berkuasa tempatan, pejabat daerah serta anak syarikat untuk persiapan SUKMA 2026.

Selangor bakal menjadi tuan rumah temasya SUKMA 2026 selepas kali terakhir menganjurkan sukan berprestij dwitahunan itu pada 1998.

Pentadbiran negeri menyediakan peruntukan RM150 juta bagi menjayakan temasya sukan itu melalui penggunaan 90 peratus prasarana di Selangor.



| WAKTU SOLAT | Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang | | | | | | | | Klang dan Kuala Langat | | | | | | | | Sabak Bernam dan Kuala Selangor | | | | | | | |
|-------------|--------------------------------------------------------------------|-------|--------|-------|------|---------|-------|-------|------------------------|--------|-------|------|---------|-------|-------|-------|---------------------------------|-------|------|---------|-------|--|--|--|
| | Imsak | Subuh | Syuru' | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak | Imsak | Subuh | Syuru' | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak | Imsak | Subuh | Syuru' | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak | | | |
| 16 Khamis | 6:03 | 6:13 | 7:23 | 1:26 | 4:48 | 7:23 | 8:37 | 6:06 | 6:16 | 7:25 | 1:28 | 4:50 | 7:25 | 8:38 | 6:03 | 6:13 | 7:23 | 1:26 | 4:49 | 7:24 | 8:38 | | | |
| 17 Jumaat | 6:04 | 6:14 | 7:23 | 1:26 | 4:48 | 7:24 | 8:37 | 6:06 | 6:16 | 7:25 | 1:28 | 4:51 | 7:25 | 8:39 | 6:04 | 6:14 | 7:24 | 1:27 | 4:49 | 7:25 | 8:38 | | | |
| 18 Sabtu | 6:04 | 6:14 | 7:23 | 1:26 | 4:49 | 7:24 | 8:37 | 6:06 | 6:16 | 7:25 | 1:29 | 4:51 | 7:26 | 8:39 | 6:04 | 6:14 | 7:24 | 1:27 | 4:49 | 7:25 | 8:38 | | | |
| 19 Ahad | 6:04 | 6:14 | 7:23 | 1:27 | 4:49 | 7:24 | 8:38 | 6:07 | 6:17 | 7:25 | 1:29 | 4:51 | 7:26 | 8:39 | 6:04 | 6:14 | 7:24 | 1:27 | 4:50 | 7:25 | 8:39 | | | |
| 20 Isnin | 6:05 | 6:15 | 7:24 | 1:27 | 4:49 | 7:25 | 8:38 | 6:07 | 6:17 | 7:26 | 1:29 | 4:51 | 7:26 | 8:39 | 6:05 | 6:15 | 7:24 | 1:28 | 4:50 | 7:26 | 8:39 | | | |
| 21 Selasa | 6:05 | 6:15 | 7:24 | 1:27 | 4:49 | 7:25 | 8:38 | 6:07 | 6:17 | 7:26 | 1:30 | 4:52 | 7:27 | 8:40 | 6:05 | 6:15 | 7:25 | 1:28 | 4:50 | 7:26 | 8:39 | | | |
| 22 Rabu | 6:05 | 6:15 | 7:24 | 1:28 | 4:50 | 7:25 | 8:38 | 6:08 | 6:18 | 7:26 | 1:30 | 4:52 | 7:27 | 8:40 | 6:05 | 6:15 | 7:25 | 1:28 | 4:50 | 7:26 | 8:39 | | | |

WAKTU SOLAT
16-22 Januari 2025
16 - 22 Rejab 1446H



PRIHATIN... Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah (dua kiri) berkenan menyampaikan bantuan basikal dan peralatan anyaman kepada komuniti Mah Meri sempena Tahun Melawat Selangor 2025 di Pulau Carey, Kuala Langat pada 14 Januari. Turut hadir EXCO Kebudayaan Datuk Borhan Aman Shah (kiri). Foto NUR ADIBAH AHMAD IZAM ▶ BERITA MUKA 2

Keindahan desa tarik pengunjung luar

KUALA LANGAT - Masyarakat setempat khususnya kampung baru digalakkan untuk menghias perkampungan masing-masing bagi menggamit kehadiran pelancong sempena Tahun Melawat Selangor 2025.

Ketua Pegawai Eksekutif Tourism Selangor Chua Yee Ling berkata pihaknya sentiasa menyokong usaha memperindah desa untuk menarik kunjungan awam dan tidak hanya bergantung kepada agensi.

"Usaha mencantikkan dan berkongsi keistimewaan perkampungan membantu dalam meningkatkan bilangan pelancong ke Selangor.

"Jika ada idea baharu yang ingin digarap, boleh hubungi Tourism Selangor untuk maklumat lanjut," katanya selepas merasmikan mural di Kampung Baru Jenjarom di sini pada 12 Januari.

Beliau menyifatkan usaha jawatankuasa Kampung Baru Jenjarom yang melukis mural di tapak lama Tokong Fo Guang Shan Dong Zen dijangka berupaya menarik lebih ramai pelancong.

"Saya menyeru supaya penggiat industri dan komuniti setempat menghasilkan pelbagai produk pelancongan untuk menarik lebih ramai pengunjung," katanya.

Tumpu jalan selain seliaan PBT

Projek turap jalan mulai April

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL

SHAH ALAM - Projek Turapan Mega yang dijadual bermula pada April tidak hanya memberi tumpuan kepada jalan raya selenggaraan pihak berkuasa tempatan (PBT), kata EXCO infrastruktur.

Sebaliknya, menurut Dato' Ir Izham Hashim, projek berkenaan turut membabitkan laluan seliaan pejabat daerah, pertanian dan Jabatan Kerja Raya negeri.

"Sebelum ini, kita hanya fokus jalan bawah PBT sahaja, namun tahun ini semua jalan termasuk di kawasan kampung akan diturap sekiranya memerlukan.

"Kita arahkan semua agensi kenal pasti jalan raya yang rosak teruk dan perlu diturap segera selain kawasan kerap menerima aduan," katanya pada 10 Januari.

Ir Izham memaklumkan turapan jalan menggunakan jentera Jetpatcher berteknologi tinggi dari United Kingdom itu dijangka berupaya mempercepat proses turapan sebanyak tiga kali ganda.

"Kebiasaannya turapan jalan mengambil masa lebih satu jam tetapi dengan adanya mesin bernilai RM2 juta

ini, prosesnya tidak sampai 30 minit.

"Bukan itu sahaja, kualitinya juga lebih kuat dan baik kerana turapan baharu lebih melekat dengan jalan lama kerana bahan tampalan lebih panas," katanya.

Menurut beliau lagi, Selangor bakal menambah satu lagi jentera Jetpatcher kepada InfraSel Sdn Bhd bagi memastikan tampalan jalan raya rosak di negeri ini tahan lebih lama.

Ir Izham berkata ketahanan tampalan jalan juga lebih berkualiti kerana teknologi banchuannya kuat dan panas, berbanding kaedah sebelum ini.

"Selain tahan lama, tampalan dapat dilakukan dalam tempoh singkat berikutan mesin dari United Kingdom ini mempercepat proses tiga kali ganda," katanya.

Kerajaan Negeri memperuntuk RM50 juta tahun ini bagi meneruskan projek turapan yang dikendalikan syarikat penyelenggara jalan negeri iaitu Infra-sel Sdn Bhd.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari sebelum ini menjelaskan projek itu diteruskan bagi memastikan setiap laluan dibaik pulih, selamat dan meningkatkan keselesaan pengguna.



GAMUDA COVE **GAMUDA LAND**

TOWNSQUARE

UNIT KEDAI GAYA HIDUP 2 & 3 TINGKAT

Saiz tanah daripada 22' x 50'
Jumlah kawasan dalaman daripada 2,121 kps

Potongan harga 10% untuk unit Bumiputera sahaja

Peruncitan gaya hidup berinspirasi Eropah untuk semua peringkat umur

Bersebelahan dengan Taman Air SplashMania dan Discovery Park

Terletak di pusat Gamuda Cove

Bersebelahan dengan Lebuhraya ELITE dan mempunyai akses terus ke Cyberjaya Link yang bakal siap

Dikunjungi seramai 2 juta orang pelawat setiap tahun

JADILAH SEBAHAGIAN DARIPADA KESEJAHTERAAN BANDAR INI

Hubungi kami untuk maklumat lanjut

Impresi pelukis

gamudacove.com.my
03 9212 0455

Perhatian: Semua maklumat yang terkandung di sini adalah berlandaskan pada maklumat yang diperolehi dan tidak boleh dianggap sebagai jaminan atau janji. Maklumat mengenai projek ini adalah berdasarkan maklumat rasmi, pemilik, pihak pengembang dan agensi berkaitan. Semua maklumat adalah untuk maklumat sahaja. Semua maklumat adalah untuk maklumat sahaja. Semua maklumat adalah untuk maklumat sahaja. Semua maklumat adalah untuk maklumat sahaja.

RM4 juta teruskan Ihya Ramadan

HULU SELANGOR - Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI memperuntuk RM4 juta bagi meneruskan program Ihya Ramadan tahun ini.

Ketua Yayasan MBI berkata jumlah berkenaan merangkumi sumbangan kepada masjid serta surau, bantuan raya untuk asnaf, penganjuran majlis berbuka puasa bersama penduduk serta program mengimarahkan Ramadan.

"Mana-mana pengurusan masjid dan surau, persatuan penduduk atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang memerlukan bantuan ini boleh menghantar surat permohonan kepada MBI," kata Ahmad Azri Zainal Nor.

Tahun lalu, MBI memperuntuk jumlah sama sempena Ramadan dan bantuan yang diutamakan kepada institusi agama serta golongan kurang berkemampuan itu diagih ke seluruh negeri.

Promosi niaga di PLATS Siswa

SHAH ALAM - Mahasiswa di negeri ini berpeluang mempromosi perniagaan mereka menerusi inisiatif Platform Selangor (PLATS) Siswa, kata ketua Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan).

Menawarkan manfaat sama seperti peserta PLATS lain, Ahmad Azri Zainal Nor berkata program tersebut akan bermula di Universiti Teknologi Mara (UiTM) dengan sasaran 100 usahawan dalam kalangan anak Selangor.

"Ini merupakan projek rintis sebelum kita perluaskan kepada institusi pengajian tinggi lain. UiTM juga ada pusat usahawan di mana pelajar mereka sudah terlibat lebih awal dalam perniagaan kampus.

"Menerusi PLATS Siswa, selain mempromosi produk jualan mereka, pelajar turut diberi bimbingan termasuk kursus digital, pengurusan akaun selain permohonan sijil halal," katanya pada 14 Januari.

29,019 terima alatan persekolahan

SHAH ALAM - Seramai 29,019 ahli Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) yang bakal memasuki darjah satu tahun ini menerima bantuan kelengkapan persekolahan.

Eksekutif Pengurusan Program Yayasan Warisan Anak Selangor (Yawas) Muhammad Khafiz Asari berkata semua ahli menerima bantuan beg sekolah dan set alat tulis bernilai RM50.

Beliau menjelaskan penerima yang lahir pada 2018 menerima bantuan tersebut menerusi pejabat wakil rakyat atau penyelaras setiap Dewan Undangan Negeri (DUN).

"Kita berharap dengan adanya bantuan ini dapat meringankan beban ibu bapa dalam menyediakan kelengkapan persekolahan anak-anak," katanya pada 14 Januari.

Puji usaha kurangkan sisa plastik

SHAH ALAM - Cadangan Selangor menguatkuasakan larangan penggunaan beg plastik pada Jumaat hingga Ahad berupaya mengurangkan sisa plastik.

Presiden Persatuan Ekopelancongan dan Pemuliharaan Malaysia (Ecomy) berkata langkah itu melengkapkan usaha pemuliharaan alam sekitar tetapi beliau turut menekankan keperluan penetapan garis masa pelaksanaan yang jelas.

"Sudah 15 tahun larangan penggunaan beg plastik sekali guna dikuatkuasakan iaitu pada setiap Sabtu sejak 2010. Kita masih ketinggalan dalam merangka pelan menyeluruh untuk mengurangkan penggunaannya secara signifikan.

"Pelaksanaan larangan selama tiga hari seminggu adalah permulaan yang baik," kata Andrew Sebastian baru-baru ini.

Sementara itu, EXCO alam sekitar berkata Kerajaan Negeri sedang mengkaji semula undang-undang berkaitan untuk memastikan pelaksanaan larangan beg plastik dari Jumaat hingga Ahad dapat dibuat dengan berkesan.

Jamaliah Jamaluddin berkata pihaknya menunggu maklum balas Jabatan Undang-Undang Negeri dan pihak berkepentingan lain untuk memperhalusi dasar tersebut.

Cakna keselamatan kanak-kanak

Gesa 135 pemilik taska daftar operasi

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

SHAH ALAM - Sebanyak 980 taska di Selangor berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) setakat November tahun lalu manakala 135 premis lagi dikesan beroperasi tanpa lesen.

Justeru, EXCO kebajikan masyarakat menggesa pengusaha tidak berdaftar memohon geran sehingga RM5,000 untuk beroperasi secara sah termasuk ada kelulusan bomba dan pihak berkuasa tempatan.

Anfaal Saari menegaskan isu ke-

selamatan menjadi perhatian pentadbiran negeri yang mewujudkan jawatankuasa khas bagi menyelaras garis panduan supaya urusan pendaftaran menjadi mudah.

"Kita ambil serius kerana dengan mendaftar, ia membantu petugas taska berdepan kecemasan dan sebagainya. Ini perlu untuk jamin keselamatan anak-anak jagaan," katanya pada 9 Januari.

Mengulas kes kematian bayi berusia empat bulan di taska baru-baru ini, beliau menyarankan ibu bapa mangsa mendapatkan khidmat kaunseling percuma di pejabat kebajikan

masyarakat daerah.

Kesal dengan kejadian tersebut, Anfaal yang menziarahi keluarga itu pada 10 Januari menggesa siasatan menyeluruh dibuat termasuk meminta JKJ membuat laporan jika ada unsur jenayah.

"Mereka boleh dapatkan khidmat kaunseling percuma Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kaunselor hadir ketika ziarah juga mengambil nombor telefon untuk hubungi mereka," katanya.

Beliau juga memberitahu taska tersebut masih ditutup sejak 6 Januari dan tidak dibenar beroperasi hingga siasatan polis selesai.

MBI jejak pelajar cicir SPM

HULU LANGAT - Seramai 1,000 pelajar yang tercicir Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2023 dibantu untuk melanjutkan pelajaran dalam pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET).

Ketua Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI memberitahu pihaknya bekerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan beberapa pihak lain bagi menjejaki mereka.

Menurut Ahmad Azri Zainal Nor,

MBI mahu membantu mereka yang kurang minat belajar pada peringkat SPM dengan menawarkan kelompok individu berkenaan untuk menyertai TVET.

"Ia sekali gus menyediakan peluang pekerjaan selepas menjalani kursus dan program menjejaki mereka bermula selepas Aidilfitri," kata beliau pada 12 Januari.

Katanya, MBI juga mengadakan program Didik Kasih bagi menangani keciciran 3M (membaca, mengira,

menulis) di samping memperluas Program Tuisyen Rakyat Selangor ke sekolah rendah.

"Dianggarkan 25,000 pelajar di negeri ini gagal menguasai 3M, program juga bermula pada April selepas Aidilfitri," katanya.

Sebanyak RM1 juta diperuntuk Kerajaan Negeri dalam belanjawan tahun ini untuk pelaksanaan Didik Kasih di semua sekolah seluruh Selangor dengan kerjasama Kementerian Pendidikan.

Kohijrah usahakan kebun

SHAH ALAM - Koperasi Warga Hijrah Selangor Berhad (Kohijrah) memiliki kebun khusus di beberapa lokasi bagi melaksanakan kegiatan tanaman dan ternakan.

Pengurus Besarnya Mohammad Syukri Ismail menjelaskan kawasan terlibat ialah Johan Setia, Kuala Langat dan Batang Kali yang diusahakan 75 pekebun yang juga anggota Kohijrah

sejak tahun lalu.

Beliau menambah projek tersebut turut diperluas ke Tapah dan Kampung Dew, Gunung Semanggol di Perak melibatkan tanaman tembikai, nanas, manggis, jambu, belimbing dan sayuran.

"Bukan sahaja tanaman, kita juga mengusahakan ternakan seperti ikan dan udang galah," katanya pada 9 Januari.

Menurut Mohammad Syukri, anggota Kohijrah yang mengusahakan kebun tersebut dibimbing dan menerima manfaat termasuk bantuan baja untuk memastikan hasil tanaman lebih bermutu.

Jelas beliau lagi, hasil tanaman dan ternakan itu akan dijual ke pusat lelongan di Batu 7, Sijangkang, pada harga yang ditawarkan lebih murah berbanding pasaran.



Dr Mohamad Khairil (tiga, kanan) bersama Mohamad melihat teknologi yang digunakan dalam Projek Tanaman Bawang Rose Ehsan di Selangor Fruit Valley, Kuala Selangor pada 11 Januari. Foto NUR ADIBAH AHMAD IZAM

Tingkat keupayaan pengeluaran tempatan

Kurangkan import bawang

Oleh FITRI HAZIM HAZAM

KUALA SELANGOR - Projek Tanaman Bawang Rose Ehsan antara inisiatif Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) bagi mengurangkan kebergantungan terhadap bawang import.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Wira Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi berkata ia meningkatkan pengeluaran bawang tempatan sekali gus mengurangkan tekanan kepada imbangan dagangan makanan negara.

"Malaysia masih bergantung kepada bawang import dari India, Pakistan dan China untuk memenuhi permintaan. Jadi, usaha ini diambil bagi mengukuhkan ketertahanan makanan negara," katanya.

Beliau hadir dalam lawatan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu ke tapak projek tanaman berkenaan di Selangor Fruit Valley (SFV) di sini pada 11 Januari.

Mohamad Khairil turut memberitahu Bawang Rose Ehsan juga menawarkan harga yang lebih murah selain membantu pengguna mengurangkan kos sara hidup.

"Harga semasa bawang rose di SFV sekitar RM6.00 sekilogram banding import mencecah RM6.50 hingga RM11.00 sekilogram di beberapa negeri seperti Pulau Pinang, Terengganu dan Johor.

"Projek di tanah seluas 25 ekar (10.11 hektar) diuruskan anak syarikat PKPS iaitu Selagro Solution Sdn Bhd. Ia menggunakan benih Bangalore Rose dari India yang bermutu dan ada daya tahan penyakit," katanya.

Pada 29 November tahun lalu, Selangor menuai hasil bawang pertama negeri berjumlah 32 tan menerusi projek Tanaman Bawang Rose Ehsan seluas lapan ekar di pusat pertanian negeri itu.

Memanfaatkan teknologi internet kebendaan (IoT), tanaman benih berkualiti tinggi dan mempunyai daya tahan terhadap penyakit itu hanya melalui proses penanaman selama 135 hari.

Mohamad berkata program Pembangunan Tanaman Bawang bawah kementerian menyasar pengurangan 30 peratus import bahan itu menjelang 2030.

Beliau memberitahu inisiatif tersebut bertujuan meningkatkan lagi pengeluaran tempatan melalui pelbagai strategi dan memberi sokongan kepada petani.

Jelasnya lagi, peruntukan RM902.5 juta digunakan untuk mengimport 484,867 tan metrik bawang bagi memenuhi keperluan pengguna pada 2021.

"Program itu sebagai persediaan menghadapi cabaran seperti perubahan iklim, serangan penyakit dan persaingan bawang import lebih murah," kata Mohamad.

Kongsi kepakaran perusahaan cina

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) bekerjasama dengan syarikat dari China bagi berkongsi kepakaran dalam bidang pertanian moden dan pemasaran antarabangsa.

PKPS melalui anak syarikatnya PKPS Ehsan Agrotech Sdn Bhd memeterai memorandum kerjasama (MoC) dengan China Guangxi Yufeng Food&Health Co Ltd (Yufeng) dan China Guangxi Meili Digital Technology Co Ltd (Meili).

Ketua Pegawai Operasi PKPS Ehsan Agrotech Chan Kok Choy memberitahu kerjasama tersebut diyakini berupaya memberdaya pengusaha sekali gus mewujudkan peluang kerja baharu.

"Syarikat terlibat memiliki banyak pengalaman dalam pertanian dan pemasaran di seluruh dunia. Diharap kerjasama ini membuka peluang kita mengembangkan perniagaan di rantau Asia Tenggara terutama dalam pasaran Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP).

"Kita berkongsi mengenai revolusi industri pertanian pihak terlibat termasuk penanaman cinau dan buah-buahan tropika dengan memanfaatkan pendigitalan teknologi pertanian dan penanaman," katanya baru-baru ini.

GAMUDA LAND

GAMUDA GARDENS

Rumah dan Lot Komersial Tersedia di Gamuda Gardens



MONARC
Banglo dan Semi-D

7% Diskaun* untuk Bumiputera



Valeria
Teres Superlink dan Semi-D

7% Diskaun* untuk Bumiputera



GARDENS SQUARE
Komersial Lot Kedai dan Pejabat

10% Diskaun* untuk Bumiputera



ILLARIA
Teres dan Rumah Bandar

7% Diskaun* untuk Bumiputera

Siap dibina

*Tertakluk kepada terma dan syarat

Sincere Responsible Original

Bandar Serai Development Sdn Bhd
Berdaftar dengan Suruhanjaya Perlesenan Hartanah, Jabatan Pendaftaran Tanah, Kuala Lumpur.
No. Pendaftaran: 123456789

FRASER WORLD PRIZE EXCELLENCE AWARDS
2023

THE EDGE
2023

gamudaland.com.my
03 6037 2888

Alatan bantu OKU lumpuh otak

SHAH ALAM - Seramai 38 orang kurang upaya kategori fizikal lumpuh otak menerima bantuan termasuk pinjaman peralatan sepanjang Julai hingga Disember tahun lalu.

Menurut EXCO kebajikan masyarakat, sumbangan menerusi inisiatif Unit Penjagaan Cerebral Palsy (CPCU) membabitkan dana hampir RM10,000 bertujuan meringankan beban keluarga.

"Pelaksanaan skim ini terbahagi kepada tiga fasa iaitu latihan pemeraksanaan penjagaan anak lumpuh otak, perkhidmatan pinjaman peralatan serta perkhidmatan rawatan.

"Selangor menjadi negeri pertama di Malaysia yang memperkenalkan dasar khas ekonomi penjagaan dan projek khas ini," kata Anfaal Saari menerusi laporan tahunan portfolionya di Facebook.

Buku Muhammad kekal terlaris

SHAH ALAM - Naskah riwayat Rasulullah terbitan Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE) kekal sebagai buku terlaris dengan kira-kira 100,000 terjual setakat ini.

Eksekutif jualan dan pemasarannya berkata buku Muhammad: Riwayat Hidup Berdasarkan Sumber Terawal karya Martin Lings diterbitkan dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) pada 2021.

"Ini merupakan karya terbitan IBDE yang pasti pembaca cari bila kita menyertai pesta-pesta buku dan dijangka ia akan terus mengungguli carta buku terlaris tahun ini," kata Mohamad Hakim Mohammad Hood pada 5 Januari.

IBDE akan menyertai Pesta Buku Alternatif Kuala Lumpur 2025 pada 29 Januari hingga 2 Februari ini di Central Market Kuala Lumpur.

Pelajar, guru Adtec wakili negara

SHAH ALAM - Dua pelajar dan seorang tenaga pengajar dari Pusat Latihan Teknologi Tinggi (Adtec) Selangor terpilih mewakili negara ke Asean Skills 2025 di Manila, Filipina pada Ogos hadapan.

Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Selangor memaklumkan bakat mereka dicungkil menerusi pertandingan WorldSkills Selangor 2024 pada Disember lalu.

"WorldSkills Selangor 2024 yang pertama kali dianjurkan menjadi platform strategik bagi menonjolkan bakat muda dalam bidang teknikal dan vokasional.

"Acara ini menjadi pemangkin dalam melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi, sejajar aspirasi negara untuk memperkukuh sektor teknikal dan vokasional di peringkat serantau dan antarabangsa," katanya dalam kenyataan pada 14 Januari.

Jaga kesihatan, elak jangkitan hMPV

SHAH ALAM - Orang ramai diminta melindungi diri dengan mengamalkan langkah pencegahan supaya terhindar daripada jangkitan 'human metapneumovirus' (hMPV).

Menerusi infografik, EXCO kesihatan awam berkongsi langkah pencegahan seperti kerap mencuci tangan dengan sabun, elak kontak rapat dengan individu sakit dan memakai pelitup muka.

Menurut Jamaliah Jamaluddin, virus tersebut merebak melalui hubungan langsung dengan individu yang dijangkiti atau menyentuh permukaan tercemar dengan virus.

Beliau menjelaskan golongan berisiko mengalami jangkitan teruk ialah kanak-kanak bawah lima tahun, warga emas dan individu yang mempunyai sistem imun lemah.

"Lindungi diri dan keluarga daripada risiko jangkitan hMPV. Jaga kebersihan dan persekitaran, serta amalkan pencegahan. Kesedaran adalah langkah pertama pencegahan," katanya di Facebook.

Virus hMPV adalah jangkitan saluran pernafasan akibat virus dalam keluarga Pneumoviridae dan penularannya di China membimbangkan. Di Malaysia,

Kementerian Kesihatan mengesan 327 sampel positif virus hMPV sepanjang tahun lalu, meningkat berbanding 225 kes pada 2023.

Bagaimanapun, Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad memaklumkan virus tersebut merupakan demam selsema biasa dan kerap berlaku terutama ketika cuaca sejuk.

Setakat ini tiada kes direkod selain tidak wajib dilapor bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

► INFOGRAFIK MUKA 14

Lebih murah daripada harga pasaran

Tambah enam jenis produk baharu

Oleh **SHEEDA FATHIL**

SUBANG JAYA - Tambahan jenis produk dalam Jualan Ehsan Rahmah (JER) dan pembukaan pasar raya Ehsan Mart membuktikan Kerajaan Negeri prihatin dengan keperluan rakyat yang berdepan peningkatan kos sara hidup.

Pengunjung K Maragatham, 61, berkata jualan produk baharu seperti sardin, bihun, sabun cuci baju dan lampin pakai buang selain enam barangan asas utama menjadikan program kendalian Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) itu sebagai tumpuan rakyat.

"Memang selalu berkunjung ke JER, belanja tidak sampai RM100 beli ayam, beras, ikan, sardin dan terbaharu cuba beli sabun basuh baju sebab harganya sangat murah untuk satu kilogram ha-

nya RM16, lebih murah berbanding di pasar raya.

"Terima kasih Kerajaan Selangor dan PKPS kerana sentiasa prihatin dengan nasib rakyat. Program ini memang banyak bantu kami," katanya sempena program jualan murah di Kinrara pada 13 Januari.

Salmah Hamdan, 62, menyambut baik inisiatif PKPS menambah produk jualan seperti lampin pakai buang yang lebih murah berbanding harga pasaran.

"Alhamdulillah, rakyat memang ternantikan program ini. Saya dapat tahu daripada kumpulan WhatsApp jiran, ingatkan sudah tidak dianjurkan, rupanya masih ada. Harap JER dianjurkan lebih kerap selepas ini," katanya.

Nur Laila Ahmad, 72, menyambut

baik pembukaan pasar raya Ehsan Mart dan berharap premis itu dibuka lebih banyak seluruh Selangor bagi memudahkan pengguna berbelanja.

"Lebih mudah dan selesa untuk masyarakat membeli-belah, kita tidak lagi perlu beratur berpanas seperti di JER yang dianjurkan di bawah khemah. Cumanya saya harap harga masih sama walaupun dalam kedai berhawa dingin," katanya.

Selangor menyasar pembukaan 10 premis Ehsan Mart menjelang akhir tahun ini. Cawangan pasar raya tersebut beroperasi di Sungai Tua, Pandan Indah dan bakal dibuka di Hulu Kelang.

Pasar raya kendalian PKPS yang menawarkan barangan asas pada harga 10 hingga 15 peratus lebih rendah daripada pasaran itu antara usaha menambah baik program JER.



Saringan kanak-kanak 8 Februari

SHAH ALAM - Program saringan perkembangan awal kanak-kanak Selangor secara percuma berlangsung dua hari pada 8 dan 9 Februari, menurut Yayasan Warisan Anak Selangor (Yawas).

Menurut kenyataan Yawas, pemeriksaan menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI) itu khusus buat kanak-kanak berumur tiga hingga lima tahun dari kalangan keluarga berpendapatan rendah.

Program berkenaan dijadual berlangsung di Pusat Sokongan Pendidikan Awal Anak Istimewa Selangor

(ANIS) di Pusat Konvensyen Ideal Shah Alam mulai 9 pagi hingga 5 petang.

"Pendaftaran saringan ini wajib melalui aplikasi Yawas di telefon bimbit. Pendaftaran untuk saringan dibuka pada 8 Januari dan tarikh tutup permohonan 3 Februari depan," kata kenyataan.

Orang ramai juga boleh merujuk cara memuat turun aplikasi Yawas melalui www.facebook.com/share/p/191veUMjjs/ atau hubungi talian 03-5481 8800.

Berikut syarat-syarat program saringan dan keperluan dokumen:

- Pemohon (ibu/bapa) warganegara

Malaysia dan pengudi di Selangor

- Menetap di Selangor
- Pendapatan isi rumah mestilah RM5000 ke bawah (gaji kasar)
- Anak berumur dari 3 tahun genap sehingga 5 tahun
- Tidak pernah membuat saringan dan di diagnosis oleh doktor pakar

Dokumen sokongan:

- Mykid/sijil lahir anak
- Mykad ibu dan bapa
- Akaan pendapatan/slip gaji (seisi keluarga) ibu dan bapa (gaji kasar)
- Salinan semakan daftar pemilik (SPR)



Beto murung jiwa watak tokoh pejuang

Oleh INTAN SYUHADA AKHIR

Sepanjang terlibat dalam industri lakonan sejak 1998, tiada naskhah yang terlalu sukar untuk dijayakan pelakon Beto Kusyairy.

Namun begitu, jiwa dan kemahirannya sebagai anak seni teruji ketika membintangi sebuah projek pada 2008 yang menyebabkannya mengalami kemurungan hingga berbulan-bulan.

Bercerita mengenai itu, Beto atau nama sebenarnya Nur Kusyairy Zakuan Osman, 44, menyifatkan pengalaman menghidupkan watak tokoh nasionalis Sarawak, Rosli Dhobi dalam drama Warkah Terakhir sebagai perkara yang paling ‘menggangu’.

Walaupun penggambaran tamat dan drama ditayangkan pada 2009, watak pejuang kemerdekaan Sarawak itu seolah-olah hidup di dalamnya menyebabkan Pelakon Lelaki Terbaik, Festival Filem Malaysia ke-33 itu mula mempersoal kewujudan diri.

“Semasa awal-awal bergelar pelakon dahulu, saya akui agak sukar kawal serta hilangkan watak yang saya sarungkan. Suatu masa dulu, saya pernah hadapi kemurungan kerana tidak boleh keluarkan watak Rosli Dhobi. Watak itu macam lekat dalam diri saya.

“Berbulan-bulan saya menyendiri, tidak mahu bercakap dengan sesiapa. Saya bersyukur kerana ketika itu isteri menjadi tulang belakang yang banyak membantu,” katanya ketika ditemui Media Selangor di Petaling Jaya baru-baru ini.

Ketika ditanya apakah yang membuatkan pelakon Imaginur itu berasakan demikian, Beto sempat diam, mengambil nafas.

“Watak itu nyata, bukan karakter yang dicipta. Ia tentang pejuang Sarawak yang ketika itu berusia 16 tahun. Bayangkan pada usia muda itu beliau sudah memikirkan nasib anak cicit dan negara jauh ke hadapan.

“Saya bandingkan dengan diri saya pada umur itu yang masih sibuk bergembira tidak fikir langsung tentang masa depan. Benda itu sangat mengganggu.

“Tambahan pula, saya dapat segala informasi mengenai beliau secara langsung daripada keluarga terdekat seperti sepupu dan anak buah. Saya simpan banyak cerita mengenai beliau.

“Pendek kata, saya lebih rasa penyesalan dan tertekan kerana ketika usia muda saya tidak begitu,” tambahnya.



Foto ihsan KL Motion Picture Co.

Siri komedi

Khuatir dengan keadaan pelakon itu yang tiba-tiba mengurung diri, pasukan produksi iaitu KL Motion Pictures kemudian berbincang dan mencari solusi terbaik membantu Beto.

Selepas beberapa sesi mesyuarat, mereka akhirnya memutuskan untuk menghasilkan sebuah siri komedi.

“Saya dimaklumkan pihak produksi kemudian buat satu drama kelakar dan santai untuk saya ‘buang’ Rosli Dhobi, cuma saya tidak ingat apa nama drama itu.

“Memang karakter saya lawak, mereka mahu saya keluarkan watak itu dan memang ia berjaya. Selain itu, saya banyak berguru dengan pelakon lebih senior bagaimana untuk tidak bawa balik watak yang kita lakonkan.

“Berlakon memang kerja sukar tapi penonton hanya tahu apa yang mereka lihat di kaca televisyen dan rasa macam semua orang boleh buat,” jelasnya.

Pengalaman hampir tiga dekad menjadi anak wayang mengukuhkan jenama Beto Kusyairy dalam industri lakonan sehingga ada menganggap lakonan anak jati Kuala Lumpur itu wajib tonton.



Berbulan-bulan saya menyendiri, tidak mahu bercakap dengan sesiapa. Saya bersyukur kerana ketika itu isteri menjadi tulang belakang yang banyak membantu

Beto hanya ketawa mendengar komen itu dan menegaskan dia tidak pernah mengejar sebarang trofi.

Maka tidak hairanlah jika Beto lebih memilih menyelesaikan jadual penggambaran filem Gayong yang bertindih dengan majlis anugerah Festival Filem ke-33 pada 7 Disember lalu.

“Untuk menjadi pelakon, kita kena ada disiplin lakonan. Ia bukan hanya setakat hafal skrip dan hadir ke set tepat waktu. Tapi kena faham apa yang mahu disampaikan, roh karakter dan visi pengarah. Ia melibatkan kemahiran dan pengalaman.

“Berlakon sama sahaja dengan kerja profesional lain seperti peguam atau doktor yang memerlukan kemahiran.

“Sepanjang menjadi pelakon, ada juga projek yang menyesal saya lakonkan tapi mari kita jangan bercakap mengenai itu.

“Cuma cukuplah perjalanan itu yang membawa saya ke hari ini, di mana saya berada,” katanya.

Misteri Kabus Hitam

Fenomena ini dikaitkan dengan simptom seperti selesema, sesak nafas dan gatal tekak dalam kalangan penduduk setempat yang mendorong teori konspirasi bahawa kabus tersebut mungkin sebahagian ujian senjata bio atau eksperimen rahsia kerajaan



*Penyelidik di Universiti Putra Malaysia,
DR ZAMIR MOHYEDIN
seorang ahli fizik yang menulis sembilan buku*

Baru-baru ini ramai orang kecoh berkenaan fenomena kabus yang mendapat jolokan “kabus hitam” sehingga menempelkan peta-peta yang mereka sendiri tidak fahami. Menariknya, cerita kabus hitam ini berasal daripada Amerika Syarikat apabila terdapat laporan bau yang menyengat sehingga mencetuskan kebimbangan ramai orang.

Fenomena ini dikaitkan dengan simptom seperti selesema, sesak nafas dan gatal tekak dalam kalangan penduduk setempat yang mendorong teori konspirasi bahawa kabus tersebut mungkin sebahagian ujian senjata bio atau eksperimen rahsia kerajaan.

Fenomena ini juga mengingatkan ramai orang kepada sejarah gelap eksperimen biologi seperti Operation Sea-Spray yang dilakukan oleh Tentera Laut Amerika Syarikat pada tahun 1950. Mungkin ada yang tidak tahu, pada ketika itu, Tentera Laut Amerika Syarikat melancarkan satu eksperimen rahsia untuk menguji kelemahan suatu bandar terhadap serangan senjata biologi. Dalam eksperimen ini, bakteria seperti *Serratia marcescens* dan *Bacillus globigii* disebarkan ke kawasan Teluk San Francisco.

Tujuan utamanya adalah menilai sejauh mana bakteria tersebut dapat merebak dalam komuniti bandar. Malangnya, eksperimen

ini menyebabkan sekurang-kurangnya satu kematian dan beberapa kes penyakit pernafasan. Kejadian tersebut mencetuskan perdebatan etika yang berterusan sehingga kini.

Laporan mengenai Operation Sea-Spray sering digunakan sebagai asas teori konspirasi bahawa kerajaan mungkin melakukan eksperimen rahsia serupa hari ini. Walaupun peristiwa ini benar-benar terjadi, apa yang berlaku baru-baru ini perlu dinilai semula kesahihan beritanya.

Kabus merupakan fenomena semula jadi yang sering berlaku pada musim luruh dan musim sejuk apabila suhu udara mencapai titik embun. Kabus ini menyerap bahan pencemar dan bau dari persekitaran.

Apabila udara tercemar, kabus memerangkap bahan-bahan yang membawa kepada pencemaran. Hal ini mungkin memberikan penjelasan bau kimia yang dilaporkan oleh penduduk. Ini mengingatkan kita kepada peristiwa kabus tebal di London pada tahun 1952.

Britain dikenali sebagai negara terawal yang merintis dan memacu Revolusi Industri. Jadi, udara di ibu negara itu cukup tercemar dengan asap akibat daripada pembakaran arang di kilang-kilang. Ini termasuklah asap daripada rumah-rumah penduduk untuk memanaskan diri mereka. Dalam keadaan biasa, asap yang dilepaskan ini terus naik dan tersebar tinggi ke udara. Jadi, penduduk tidak terkesan sangat. Tapi pada masa itu, fenomena anti-siklon terjadi mengakibatkan ketumpatan di atmosfera lebih tinggi. Hal ini menyebabkan asap tidak akan bergerak tinggi, tetapi terperangkap di permukaan.

Senjata biologi?

Britain juga dikenali sebagai negara yang berkabus. Tetapi kabus ini menjadi teruk

apabila udaranya tercemar, lebih-lebih lagi pencemaran itu pekat pada permukaan bumi. Apabila udara tercemar, kabus tersebut menjadi berasid dan berbau. Perkara ini menyebabkan penduduk London pada masa itu mengalami masalah pernafasan dan kegatalan kulit. Malah, kabus tersebut menyebabkan dinding bangunan terhakis.

Menariknya, peristiwa ini bukanlah pertama kali. Sebelum 1952, London dilanda kabus tercemar pada tahun 1880, 1813, 1873, 1882 dan 1891. Kabus pada 1952 itu menyebabkan kematian 4,000 orang. Dikatakan mungkin mencecah hingga 10,000 orang. Ini lebih teruk daripada apa yang dilakukan oleh Operation Sea-Spray. Apa yang mahu disampaikan di sini ialah, kejadian kabus hitam baru-baru ini boleh jadi disengajakan dan boleh jadi juga disebabkan faktor persekitaran.

Sehingga kini, tiada bukti kukuh mengaitkan kabus ini dengan sebarang aktiviti rahsia kerajaan atau senjata biologi. Laporan saintifik menunjukkan faktor persekitaran seperti pencemaran udara, pelepasan asap kilang atau kebakaran hutan boleh menyumbang kepada fenomena kabus berbau kimia ini.

Pencemaran loji industri yang berdekatan boleh dilepaskan ke atmosfera dan diserap oleh kabus lalu menghasilkan bau yang menyengat. Kebakaran hutan atau pembakaran terbuka juga boleh melepaskan zarah dan gas yang boleh mengganggu saluran pernafasan, terutamanya apabila kelembapan tinggi memerangkap zarah-zarah tersebut dalam udara.

Siasatan yang lebih mendalam perlu untuk mengesahkan punca sebenar fenomena ini. Ketelusan dari pihak berkuasa juga penting untuk menenangkan keresahan orang ramai dan mencegah penyebaran maklumat palsu.

Memahami hukum al-Quran



Hukum taklifi dibahagi kepada lima jenis iaitu wajib, sunat, haram, makruh dan harus.

Ini kerana dalam nas, perintah boleh berbentuk suruhan, larangan atau pilihan:

1. Suruhan. Ia dilihat dalam kerangka berikut:

- Jika bersifat mesti dilakukan, ia dinamakan wajib.
- Jika tidak bersifat mesti dilakukan, tetapi digalakkan, ia dinamakan sunat.

2. Larangan. Ia dilihat dalam kerangka berikut;

- Jika bersifat larangan keras (mesti dijauhi), ia dinamakan haram.
- Jika tidak bersifat larangan keras tetapi disarankan untuk ditinggalkan, ia dinamakan makruh.

3. Pilihan. Jika seseorang diberi kebebasan untuk memilih antara melakukan sesuatu atau meninggalkannya, ia dinamakan harus.

Pendekatan al-Quran dalam menjelaskannya Hukum;

• Ayat yang Tegas dan Tidak Memerlukan Ijtihad

Sebahagian ayat hukum disampaikan secara jelas dan tegas, tidak memberi ruang kepada ijtihad.

Contohnya; dalam kerangka wajib, seperti solat, zakat, puasa; pembahagian harta pusaka: Bahagian waris yang telah ditentukan. Dalam kerangka haram, seperti zina, qazaf, memakan harta orang lain secara batil, dan pembunuhan tanpa hak.

Ayat-ayat ini menjadi asas yang diketahui secara pasti dalam agama. Mengingkarinya akan mengeluarkan seseorang dari Islam.

• Ayat yang Memerlukan Ijtihad dan Penafsiran

Sebahagian ayat hukum tidak menentukan maksud secara terperinci, memberi ruang kepada perbincangan dan ijtihad.

Contohnya, tafsiran ayat tentang wuduk bahawa bahagian kepala yang perlu disapu atau kewajiban nafkah kepada isteri yang diceraikan secara bain.

Ayat seperti ini terbuka kepada tafsiran berasaskan dalil dan hujah yang kuat tanpa menimbulkan persoalan akidah. Setiap mujtahid mengikuti tafsiran yang paling kuat menurut penilaiannya.

Perbezaan antara kedua-duanya adalah ayat kategori pertama setara dengan akidah, wajib diikuti oleh setiap individu tanpa pengecualian.

Ayat kategori kedua memberi ruang kepada kepelbagaian pandangan dalam lingkungan ijtihad yang dibenarkan tanpa mengancam akidah jika pandangan tertentu ditolak.

Dari kategori ayat kedua ini muncul



kepelbagaian mazhab dalam Islam dan berbezanya pandangan para ahli fiqh sehingga dalam satu isu hukum, kadangkala terdapat tujuh atau lapan pendapat.

Tidak boleh dikatakan bahawa semua pendapat itu adalah agama yang wajib diikuti kerana terdapat percanggahan antara pandangan-pandangan tersebut. Begitu juga, tidak boleh dinyatakan bahawa hanya satu pendapat tertentu sahaja yang menjadi agama kerana tiada keutamaan jelas antara pendapat tersebut kecuali dengan adanya dalil yang menguatkannya.

Tidak juga boleh dikatakan bahawa agama itu berada dalam salah satu pendapat tanpa dapat ditentukan kerana itu menjadikan agama bersifat samar-samar dan tidak jelas. Sebaliknya, yang boleh dikatakan ialah pandangan-pandangan tersebut hasil pemahaman dan ijtihad ulama.

Pemerintah atau pihak yang bertanggungjawab boleh memilih mana-mana pandangan untuk diamalkan, berdasarkan apa yang dianggap terbaik dan paling sesuai dengan masalah (kepentingan umum).

Inilah rahsia keluasan fiqh Islam yang mampu menawarkan penyelesaian terhadap pelbagai masalah sosial, walaupun zaman terus berkembang, bentuk-bentuk peristiwa bertambah, dan kemajuan peradaban semakin maju.

Al-Quran tidak mengikuti pendekatan yang digunakan dalam buku-buku yang menyenaraikan hukum-hukum yang berkaitan dengan satu topik di satu tempat sahaja, yang kemudian hanya kembali membincangkannya apabila relevan.

Sebaliknya, ayat-ayat mengenai hukum-hukum tersebar dalam berbagai-bagai tempat dalam al-Quran. Sebagai contoh, hukum-hukum tentang talak dan penyusuan, hukum tentang arak dan larangannya boleh ditemui bersebelahan dengan ayat-ayat yang berkaitan dengan peperangan dan urusan orang yang kurang upaya, seperti dalam surah al-Baqarah, yang merangkumi ayat-ayat mengenai solat, puasa, haji, peperangan,

pernikahan dengan perempuan musyrik, sumpah, qisas, wasiat, dan talak.

Demikian juga, terdapat hukum-hukum mengenai haji yang disebut sebahagiannya dalam surah al-Baqarah, sementara sebahagian lagi disebut dalam surah al-Hajj.

Kebanyakan hukum dalam al-Quran datang secara umum, menunjukkan tujuan-tujuan syariat dan prinsip-prinsip dasarnya serta memberi ruang kepada para mujtahid untuk memahami dan menggali hukum-hukum tersebut berdasarkan prinsip dan tujuan berkenaan.

Sebagai tambahan, syariat Islam mendorong umat untuk berijtihad dan mengambil hukum-hukum yang lebih terperinci berdasarkan prinsip dan tujuan umum dari syariat. Al-Quran memberi kedudukan tinggi bagi orang yang berilmu dan berkemampuan dalam mengeluarkan hukum yang dikenali sebagai mujtahid dan memerintahkan umat untuk merujuk kepada mereka dalam hal-hal yang mereka perlukan.

Sebagaimana disebutkan dalam ayat ke-59, Surah Al-Nisa': "Wahai orang-orang yang beriman, taatilah Allah, taatilah Rasul-Nya, dan ulil amri (pemimpin) di antara kalian." atau ayat ke-83, Surah al-Nisa': "Dan sekiranya mereka merujuknya kepada Rasul dan ulil amri di antara mereka, niscaya orang-orang yang ingin menafsirkan itu akan mengetahui." atau ayat ke-43, Surah al-Nahl: "Maka bertanyalah kepada ahli zikir (ulama) jika kamu tidak mengetahui."

Dengan ayat-ayat seperti ini, al-Quran mendorong umat untuk berijtihad dalam memahami hukum-hukum dan bertanya kepada orang yang memiliki ilmu dan pengetahuan. Nabi dan para sahabatnya menyediakan jalan untuk penarikan hukum bagi para imam dan ulama setelah mereka, yang memperlihatkan betapa luas dan lengkapnya syariat Islam. Hal ini menunjukkan bahawa syariat Islam benar-benar cocok untuk mengatur semua aspek kehidupan baik sosial maupun individu, hingga hari kiamat.

"Kumpulan merancang konsep terdiri dalam kalangan wanita, perancangan ambil masa lebih kurang seminggu manakala kerja berat seperti pemasangan mozek, pendawaian, cat semuanya dibuat oleh golongan lelaki sejak 1 September hingga 21 September

NOOR RASHIDAH ABD HALIM
Penduduk aras enam blok D



"Menerusi pertandingan ini, hubungan kami lebih rapat, bersatu dan sentiasa bertolak ansur. Daripada aspek pembersihan kami akan lakukan bergilir-gilir mengikut jadual

NUR SUZIELA SULAIMAN
Penduduk aras enam blok D



Oleh SHEEDA FATHIL
Foto MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN

Seandainya tiba ke aras enam blok D Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 1, Petaling Jaya dengan menaiki lif, anda mungkin sangka tersesat ke sebuah hotel mewah.

Bukan sahaja cantik tetapi baunya juga harum. Alunan muzik jazz kedengaran lunak di halwa telinga. Lantainya mozek hitam putih. Dinding pula dihiasi bingkai bunga keemasan beserta panel bergalur dan cermin. Lampu candelier tambah menyerikan suasana.

Seperti kebanyakan hotel mewah, pergerakan keluar-masuk di situ dirakam kamera litar tertutup di lobi berkenaan.

Itulah hasil pertandingan anjuran badan bukan kerajaan (NGO) ThinkCity pada 24 Ogos hingga 17 November tahun lalu.

Penghuni unit PPR itu sepakat menghiasi aras tersebut yang dahulunya suram, usang bahkan

kadangkala menyeramkan. Kini, ia seakan-akan hotel lima bintang.

Pertandingan tersebut melibatkan lapan blok 17 tingkat PPR yang dibina sejak 1999. Mereka diberi dana permulaan RM500.

Meski hadiah tidak selumayan mana, tetapi semangat yang ditunjukkan semua penghuni mengubah ruang aras masing-masing. Ada bertema minimalis, ada bersifat klasik, moden atau menampilkan suasana flora fauna.

Penduduk Noor Rashidah Abd Halim, 35, berkata penghuni aras enam blok D memilih konsep lobi hotel dalam pertandingan kebersihan dan keceriaan itu.

"Melalui pertandingan ini baru kita tahu masing-masing ada kepakaran tanpa perlu mengupah mana-mana tukang.

"Kumpulan merancang konsep terdiri dalam kalangan wanita,

perancangan ambil masa lebih kurang seminggu manakala kerja berat seperti pemasangan mozek, pendawaian, cat semuanya dibuat oleh golongan lelaki sejak 1 September hingga 21 September," katanya.

Nur Suziela Sulaiman yang menetap lebih enam tahun percaya lobi sedemikian tidak mungkin dijayakan dengan bergantung kepada dana NGO. Sebaliknya, semua penduduk di 14 kediaman mengumpul hampir RM4,000 untuk menghias aras itu.

"Jumlah tersebut bukan hanya dari kami semata-mata sebaliknya ada sumbangan dari kenalan rapat, saudara-mara selain ada dalam kalangan kami menjual barangan terpakai," kata pentadbir perakaunan berusia 36 tahun itu.

Sebaik diumumkan juara bagi blok D, Nur Suziela dan jiran berazam untuk

"Satu inisiatif yang baik secara tidak langsung menepis tanggapan masyarakat terhadap PPR yang sering kita dengar bahawa PPR usang, busuk, seram. Semangat kejiranan ini perlu ada dan patut menjadi contoh kepada yang lain

DR MOHAMMAD FAHMI NGAH
Ahli Dewan Negeri Seri Setia

menambah baik lagi persekitaran. Naib johan bagi blok D adalah tingkat 10 dan ketiga (tingkat 13A).

"Walaupun sudah tamat pertandingan kita akan terus menjaga kebersihan selain bercadang mahu

menumpukan keceriaan di kawasan tangga, koridor dan seragamkan pintu setiap unit kediaman.

"Menerusi pertandingan ini, hubungan kami lebih rapat, bersatu dan sentiasa bertolak ansur. Daripada aspek pembersihan kami akan lakukan bergilir-gilir mengikut jadual.

"Ini memupuk semangat kejiranan, menepis pandangan negatif terhadap PPR, menggalakkan kita menghargai persekitaran sekali gus menjadi contoh kepada generasi akan datang," katanya.

Ahli Dewan Negeri Seri Setia Dr Mohammad Fahmi Nгах memuji inisiatif penduduk PPR Lembah Subang 1 itu dan berharap ia menjadi contoh kepada penghuni perumahan kos rendah mahupun sederhana.

"Satu inisiatif yang baik

secara tidak langsung menepis tanggapan masyarakat terhadap PPR yang sering kita dengar bahawa PPR usang, busuk, seram. Semangat kejiranan ini perlu ada dan patut menjadi contoh kepada yang lain.

"Saya berharap penduduk PPR Lembah Subang 1 yang turut serta dalam pertandingan mengubah suai persekitaran blok mereka agar kekal jaga kebersihan supaya ia tidak menjadi sia-sia."


Lobi PPR bagai hotel



Dekorasi mewah dipamerkan aras enam, Blok D yang menjuarai Pertandingan Kebersihan dan Keceriaan Lobi



Beberapa aras lain di Blok DPPR Lembah Subang 1 yang turut terlibat dalam pertandingan keceriaan



Waspada penularan hMPV

KUMPULAN BERISIKO DIJANGKITI

- Kanak-kanak bawah usia 5 tahun
- Individu berusia lebih 65 tahun
- Sistem imun lemah
- Mempunyai lelah atau paru-paru obstruktif kronik (COPD)

GEJALA

RINGAN

- Batuk kering
- Selesema / hidung tersumbat
- Sakit tekak
- Demam ringan

SEDERHANA

- Sesak nafas
- Lelah atau keletihan
- Nafas laju dan berbunyi
- Hilang selera makan terutama kanak-kanak

SERIOUS

- Bronkiolitis (radang salur pernafasan)
- Pneumonia (radang paru-paru)
- Asma yang bertambah buruk
- Hipoksemia (kurang oksigen dalam darah)


Selepas pandemik Covid-19, dunia kembali dikejutkan dengan penularan wabak Human Metapneumovirus (hMPV) di China.

hMPV adalah virus pernafasan biasa dengan gejala seperti demam, batuk dan hidung tersumbat. Dalam kes yang teruk ia boleh menyebabkan gangguan salur pernafasan dan radang paru-paru.

Bukan penyakit baharu, hMPV dikenal pasti sejak 2001 dan kebanyakan individu terdedah kepada virus tersebut sejak kecil.

Kementerian Kesihatan mengesan 327 sampel positif virus hMPV sepanjang tahun lalu, meningkat berbanding 225 kes yang dilaporkan pada 2023.

Jangkitan HMPV juga tidak wajib dilaporkan mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].



BAGAIMANA MEREBAK?



- Batuk dan bersin
- Berjabat tangan, berpelukan atau bercium
- Sentuh permukaan atau objek seperti telefon, pemegang pintu, papan kekunci atau mainan

PENCEGAHAN

- Cuci tangan dengan kerap
- Tutup hidung dan mulut apabila batuk dan bersin
- Jaga jarak bila perlu
- Guna topeng muka di tempat awam
- Elak sentuh muka
- Bersihkan permukaan objek yang sering disentuh



RAWATAN

- Tiada rawatan khusus untuk jangkitan ini
- Kebanyakan kes adalah ringan dan akan sembuh sendiri dalam tempoh beberapa hari hingga seminggu
- Kawal demam menggunakan ubat antipiretik seperti paracetamol
- Rehat dan kerap minum air putih
- Oksigen tambahan boleh diberi kepada pesakit yang sukar bernafas atau tahap oksigen rendah

Cekal ternak udang kara



Oleh **NAZLI IBRAHIM & AIDA MOHAMED NYAN**
Foto **MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN**

Kira-kira empat bulan ternakan udang kara yang diusahakan Nor Wani Idayu Ab Wahid, 37, dan suami Mohd Fazli Abdul Rahim, 41, langsung tidak terjual.

Lebih pedih, orang sekeliling memperlekeh usaha mereka itu sejak 2016. Tidak kurang juga sindiran kononnya mereka menjual udang parit atau udang longkang. Beberapa kali mereka hampir berputus asa tetapi suami isteri itu tetap menggagahkan diri.

Kini, pemilik Ayubie Lobster Farm yang menerima bantuan dan bimbingan Dana Usahawan Mikro Selangor, Platform Selangor (PLATS), Yayasan Hijrah Selangor serta Jabatan Perikanan itu tersenyum lebar apabila memiliki kira-kira 50,000 udang kara dalam ladang seluas 372 meter persegi.

Bermula lima ekor udang kara, anak kelahiran Terengganu yang menetap di Klang itu mulanya cuma cuba-cuba menternak hidupan tersebut. Namun selang tiga bulan, beliau tidak lagi berminat meneruskan usaha tersebut lantaran penjagaannya rumit berbanding ikan.

"Tidak sama macam bela ikan. Kami mula fikir hendak goreng sahaja udang-udang itu. Masa hendak sauk udang, tengok-tengok ada telur. Terkejutlah tengok.

"Alamak, macam mana ini? Letak balik dan fikir mahu makan atau sambung bela. Bincang-bincang, akhirnya kita cuba bela," katanya.

Nor Wani Idayu kemudian menyertai pelbagai kursus anjuran penternak lebih berpengalaman. Sedikit demi sedikit pengetahuannya bertambah, bilangan ternakannya juga meningkat. Pada 2018, halaman rumahnya penuh kolam udang kara. Namun, kejayaan itu tidak lama. Jualan hidupan itu merudum selama kira-kira empat bulan.

"Kadang-kadang kalau saya tengok suami patah semangat, saya kena kuat. Ada yang bercakap sudah buat lama tetapi tidak nampak hasil," katanya ketika ditemui Media Selangor di Kampung Rantau Panjang, Klang pada 9 Disember.

Bagi menampung kehidupan, beliau membuka kelas bimbingan selain memasarkan benih-benih udang kara kepada peserta kursus. Ada yang menternak secara komersial, tidak kurang juga sebagai hobi.

Dana usahawan

"Waktu itu, memang saya tidak ada jualan langsung tiga, empat bulan tetapi kita teruskan dengan jual perkhidmatan contohnya kursus, konsultasi," katanya.

Mereka juga menjual benih udang kara pada harga serendah RM3 bergantung saiz. Lagi besar, lebih mahal. Beliau turut menjual udang kara matang yang sedia dimakan pada harga RM85 sekilogram.

Pasangan itu juga banyak menerima bantuan dan bimbingan agensi kerajaan persekutuan dan negeri. Jabatan Perikanan memberi geran barang pemprosesan produk seperti dapur, retort dan pelbagai mesin.



Kerajaan Negeri menghulur bantuan Dana Usahawan Mikro Selangor RM30,000 selain tajaan pensijilan halal dan bimbingan Platform Selangor (PLATS) untuk mendigital perniagaan

Kerajaan Negeri pula menghulur bantuan Dana Usahawan Mikro Selangor bernilai RM30,000 selain tajaan pensijilan halal dan bimbingan Platform Selangor (PLATS) untuk mendigital perniagaan. Nor Wani Idayu juga dua kali memperoleh pembiayaan Yayasan Hijrah Selangor sebanyak RM3,000 dan RM10,000.

"Hasil bimbingan PLATS dan MBI yang ajar kita macam mana digitalkan perniagaan, buat kandungan video," katanya.

Beliau juga menyertai kelas bimbingan U-PLATS siri kedua pada tahun ini selepas meraih banyak pengalaman dalam siri pertama tahun lalu.

"Tahun lepas sudah selesai tetapi rasanya (ilmu saya) belum cukup. Saya juga sekarang sudah sampai modul kelima untuk pensijilan halal," katanya yang sebelum ini mempromosi jualan menerusi kumpulan WhatsApp kepada jiran-jiran selain mulut ke mulut.

"Bila pakai media sosial, pasaran kita boleh pergi lagi jauh, besar. Ada pembeli individu, kedai makan, hotel, orang buat kenduri atau majlis. Mereka mahu kami masakkan," katanya yang turut menjual udang kara sejuk beku dan sedia dimakan menggunakan resipi sendiri.



Jatuh hati

Oleh MUHAMMAD FAREED
Ilustrasi FAHMI MUSTAFFA

Fahmi baru saja membuka mulut untuk mencurahkan isi hatinya apabila kaunselor wanita itu tiba-tiba mengacung jari telunjuk sebagai isyarat berhenti. Sambil meletakkan helaian borang soal selidik yang baru dijawab Fahmi di atas meja, dia memberitahu bahawa sesi pada hari itu tidak dapat diteruskan. Tiada apa untuk dicurahkan, ujarnya. Hati Fahmi telah kosong.

“Kosong?” Fahmi lekapkan tapak tangan ke dada.

“Mungkin jatuh tercicir,” balas kaunselor, lugu. “Kalau awak masih nak teruskan sesi kaunseling kat sini, cari balik hati itu sampai jumpa.”

Fahmi tercengang seketika. “Tapi saya dah buat *full payment* untuk lapan sesi. Sekarang baru tiga sesi. Kalau tak jumpa balik hati itu, macam mana? Tak boleh dapat *refund* balik ke?”

Kaunselor itu menggeleng selamba sambil jari telunjuknya membuai ke kiri dan kanan. Perkara itu termaktub dalam syarat perjanjian yang ditandatangani setiap klien sewaktu pendaftaran. Sekiranya hati klien kosong atau hilang, sesi kaunseling tidak boleh diteruskan. Tidak praktikal, jelasnya, untuk mencurahkan hati yang kosong. Lebih teruk lagi, hati yang hilang. Apa yang ingin dicurahkan jika bekasnya pun tiada?

“Saya tak tahu dekat mana hati itu jatuh,” luah Fahmi. “Macam mana saya nak cari?”

Kaunselor itu menggomam seketika sambil menguis-nguis dagu. “Memang susah nak cari balik hati tu. Berdasarkan kes-kes sebelum ini, ada satu cara je untuk jumpa balik hati itu.”

“Macam mana?”

Jelas kaunselor itu, klien-kliennya sebelum ini akan rasa berdebar apabila berada dekat dengan hati yang hilang itu. Biasanya di tempat-tempat yang sering dikunjungi. Mungkin jatuh di tempat kerja; telah dibersihkan oleh pekerja pembersihan. Mungkin juga di rumah; terjatuh di bawah katil, dalam kabinet atau terselit di celah-celah sofa.

Selain daripada rumah dan tempat kerja, fikir Fahmi, ada satu lagi tempat yang berkemungkinan. Tempat dia selalu berjoging. Taman rekreasi. Dan antara ketiga-tiga tempat itu, fikirnya, taman rekreasi mungkin yang paling sukar. Kerana setiap kali berada di situ, debaran dadanya memang akan mendadak laju dek larian berkilo-kilometer. Dan jika bukan datang berlari pun, fikirnya lagi, tetap sukar kerana taman itu agak besar.

Jika ikutkan perasaan, Fahmi ingin biarkan saja hati itu hilang. Dengan kekangan masa dan keletihan dek saban hari bekerja, dia tidak rasa mampu memberi komitmen. Namun bila mengenangkan duitnya yang bakal hangus dan perkara yang ingin dicurahkan tempoh hari, dia memasang tekad untuk mencari hati itu sampai jumpa.

Perkara yang ingin dicurahkan itu sebenarnya

lebih kepada pertanyaan untuk meminta nasihat. Sudah berminggu-minggu mata Fahmi sering melekat pada seorang wanita India di tempat kerjanya. Setakat ini, dia hanya mampu curi-curi lihat dari jauh dan membalas senyuman tatkala berselisih. Dia ingin menegur. Ucapkan selamat pagi, mungkin? Namun lidahnya tiba-tiba kelu setiap kali mereka berselisih. Fikir Fahmi, mungkin kaunselor itu boleh memberi tips kerana dia juga seorang wanita. Dia tidak tahu bagaimana ingin memulakan langkah. Dia tiada pengalaman bercinta ataupun memikat wanita.

Pencarian Fahmi di tempat kerja bermula dengan beberapa siri kerja lebih masa dan pulang lewat. Hampir semua sudut dia geledah; pantri, bilik mesyuarat, bawah meja, laci-laci dan termasuklah stor pekerja pembersihan. Pernah juga dia bertanya dengan beberapa orang pekerja pembersihan, namun tiada seorang pun pernah melihat apa-apa yang pelik sewaktu mengemas pejabat itu.

Di rumah pula, semua perabot diseret dan dialih. Setiap kabinet diselongkar. Namun, cuma cicak dan lipas bertempiraran lari yang kelihatan. Di taman rekreasi, kira-kira seminggu waktu petang diluahkan untuk mencari hati itu sebelum dia akhirnya mengalah. Mungkin, fikirnya, memang sudah nasibnya begitu; duit hangus, hati hilang dan peluang untuk mengenali wanita India itupun kian pudar.

Sehinggalah suatu hari ketika sedang leka mereka poster untuk sebuah program larian, dia tiba-tiba ditegur.

“Hai. *Busy* ke?”

Fahmi terlongo seketika tatkala menoleh. Lewat dinding kubikel, wanita India itu sedang menjengah. Comel, bisik hati Fahmi, melihat saiz wajah wanita itu yang agak kecil. Dibatasi kaca mata, mata wanita itu tampak besar. Namun pandangannya kelihatan tenang. Helaian rambut putih yang tersisip dari pelipis ke belakang telinga pula memperlihatkan sisi-sisi kematangan. Dan hidung mancungnya pula mirip seperti hidung aktres-aktres Bollywood.

“Hello?”

Fahmi tersentak seraya mengatup mulut. Wanita itu tersengih janggal. Sekali gus mendedahkan dua batang gigi arnab. Comelnya gigi, bisik hati Fahmi. Dia cuba buka mulut untuk bercakap, namun lidahnya tiba-tiba terasa kelu. Dari balik dadanya, Fahmi dapat rasakan debaran beransur deras.

“*Actually*, mak cik *cleaner* ada tanya saya

pasal barang yang tercicir,” ujar wanita itu. “*She said* barang tu *special and... and it's yours.*”

Fahmi mengerut dahi seketika seraya mengangguk. “Ya, ya. Awak... awak ada jumpa ke barang tu?”

Wanita itu menghulurkan tangan dari atas dinding kubikel. Pada tapak tangannya, terdapat sebetuk hati berwarna merah.

Terdapat kesan jahitan pada bahagian atas hati itu. Fahmi segera bangun dan menadah tangan. Dengan perlahan, hati itu

berpindah dari telapak tangan wanita itu ke tangan Fahmi.

“Awak jahit?” tanya Fahmi, takjub melihat kekemasan jahitan pada hati itu.

Wanita itu mengangguk dan serta-merta meminta maaf kerana menjahit tanpa kebenaran.

Jelasnya, hati itu ditemui ketika dia pulang

lewat dek bekerja lebih masa beberapa minggu lepas. Mulanya, dia tidak bercadang ingin mengambil apatah lagi menjahitnya.

“Tapi, *I ada some kind of anxiety*,” jelasnya. “*Something like OCD* macam tu. *So, that's why I ended up* jahit benda tu. *I'm sorry.*”

“Eh, jangan risau, jangan risau.”

Fahmi lekas membalas. “Say... saya... saya tak kisah pun. Lagipun, saya memang dah lama nak jahit. Tapi... tapi takde apa-apalah.”

Wanita hanya itu menguntum senyum. Seolah-olah faham alasan Fahmi.

“Anyway, *I'm Gow*—” Wanita itu terhenti seketika. “Panggil *I, G* jelah.”

“IG?” Fahmi mengerut kening. “Instagram?”

G tertawa kecil. “Bukanlah. *Just G. G for gadis. G for girl.*”

Fahmi baru saja ingin membuka mulut untuk memberitahu namanya. Namun, G tiba-tiba meminta diri dan segera berpaling. Fahmi ingin memanggil G, namun lidahnya kelu lagi. Pandangan matanya melompat di antara tubuh kecil G yang sedang berjalan pergi dan hati di telapak tangan.

Hati yang dulunya koyak, fikir Fahmi, telah dijahit semula. Tapi kenapa dipulangkan? Lebih tepat lagi, kenapa dijahit semula jika ingin dipulangkan? Itulah persoalannya. Persoalan yang akan dia ajukan pada sesi kaunseling seterusnya.

Cerpen, esei dan sajak boleh diikuti pada setiap minggu menerusi pautan selangorkini.my/category/rencana-bm/





AGIH... Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menyampaikan sumbangan Kembali ke Sekolah dalam Program Muhibbah Madani anjuran Yayasan Muhibbah Malaysia di Bukit Mertajam, Pulau Pinang pada 11 Januari. Foto BERNAMA

Beri peluang kepada Agong buat pertimbangan

Tidak sorok Titah Adendum Najib

SHAH ALAM - Kerajaan tidak menyembunyikan dokumen tambahan (adendum) berhubung permohonan pengampunan Datuk Seri Najib Razak, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Anwar menegaskan perkara berkaitan adendum bagi membenarkan Najib menjalani baki hukuman sebagai tahanan rumah tidak dibincangkan pada mesyuarat Lembaga Pengampunan pada 2023.

"Saya ahli pada 2023, kerana saya pada masa itu menjalankan tugas menteri Wilayah Persekutuan. Dalam mesyuarat saya ada.

"Benda ini (adendum) tak dibangkitkan semasa saya ada, semasa Dr Zaliha Mustafa (Menteri Wilayah Persekutuan) ada, benda ini tak dibangkitkan, itu keadaannya, bukan kita sorok," katanya.

Menurut beliau dalam program Muhibbah Madani di Majlis Bandaraya Seberang Perai pada 11 Januari, dokumen itu dihantar kepada peguam negara, bukan kepadanya atau ahli Lembaga Pengampunan, lapor Bernama.

"Peguam negara (ketika itu) kemudian bila Agong bertukar, diserahkan kepada Istana Negara, kerana Agong yang pengurusan (Lembaga Pengampunan). Itu keadaan dia, bukan kita sorok," katanya.

Menurut Anwar, beliau kemudian membawa agenda berhubung tahanan rumah kepada Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim tetapi tidak mendedahkan perkara itu kepada umum kerana

melibatkan raja.

"Dalam kes Najib, saya yang bawa agenda ini sebab walaupun saya tidak setuju dengan orang itu, kita perlu beri peluang kepada Agong beri pertimbangan terhadap rayuannya," katanya.

Pada 3 Januari, Istana Negara memaklumkan permohonan keampunan atau pengurangan hukuman perlu dikemukakan banduan berkenaan untuk dipertimbang Lembaga Pengampunan yang dipengerusikan Yang di-Pertuan Agong pada mesyuarat akan datang.

Anwar berkata beliau membentangi permohonan pengampunan bagi pertimbangan Yang di-Pertuan Agong ke-16 Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dalam mesyuarat itu.

"Bila mari agenda 11, Agong sebagai pengerusi tanya yang ini 10 kes lain semua dibentangi oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) Jabatan Perdana Menteri (JPM).

"Oleh kerana kertas pada saya, jadi baginda kata PM (perdana menteri) tolong bentangi, saya pun bentangi, mengapa masuk penjara, bagaimana hukuman dia, bagaimana masalah rakyat, bagaimana sikap antarabangsa, apa laporan penjara dan apa kes baru (Najib) yang belum selesai.

"Mengapa kita harus pertimbang juga, dia pernah jadi PM dan MB (Menteri Besar), dia pernah ada jasa kepada negara, kedudukan dia di penjara, laporan penjara baik, dia tak ada timbul ma-

salah, kesihatan dia umumnya baik, sekali pergi balik ke hospital," kata beliau.

Anwar berkata Lembaga Pengampunan kemudiannya mengurangkan hukuman penjara Najib daripada 12 tahun kepada enam tahun manakala denda dikurangkan daripada RM210 juta kepada RM50 juta.

Najib yang menjalani hukuman di Penjara Kajang sejak 23 Ogos 2022 selepas disabitkan kesalahan menyeleweng dana RM42 juta milik SRC International Sdn Bhd memfail petisyen untuk pengampunan diraja pada 2 September 2022.

BNM: Pertumbuhan ekonomi kukuh

SHAH ALAM - Ringgit bergerak dalam hala tuju betul, cerminan asas ekonomi kukuh dan prospek pertumbuhan negara untuk beberapa tahun mendatang, menurut Bank Negara Malaysia (BNM).

Gabernornya Datuk Seri Abdul Rasheed Ghaffour percaya ringgit terus disokong penurunan berterusan perbezaan kadar faedah di Amerika Syarikat (AS) serta keyakinan pelabur.

"Bagaimanapun, kita boleh menjangka sedikit turun naik dalam tempoh terdekat kerana pasaran menyesuaikan peralihan dalam dasar AS," katanya seperti dilapor Bernama pada 9 Januari.

Beliau menekankan ringgit kembali stabil Julai tahun lalau apabila Rizab Persekutuan AS mula mengurangkan kadar faedah, mengecilkan perbezaan kadar antara Amerika Syarikat dan Malaysia.

Jumlah penganggur makin mengecil


SHAH ALAM - Bilangan penganggur berkurangan kepada 546,700 orang pada November tahun lalu, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Kadar pengangguran pada paras 3.2 peratus itu menunjukkan penurunan 0.9 peratus berbanding 551,400 orang pada Oktober 2024, lapor Bernama pada 10 Januari.

Ketua Perangkawan Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin memberitahu prestasi ekonomi yang kukuh menjelang hujung tahun 2024 menyumbang kestabilan lebih baik dalam pasaran buruh negara.

Beliau berkata bilangan penduduk bekerja menyaksikan aliran menaik, bertambah 0.2 peratus kepada 16.75 juta orang pada November 2024 berbanding 16.72 juta orang pada Oktober 2024.

Katanya lagi, kategori penduduk bekerja sendiri juga menyaksikan trend menaik iaitu 0.4 peratus kepada 3.11 juta orang berbanding 3.10 juta orang dalam tempoh sama.



Menteri Besar Selangor (Permerbadanan) (MBI Selangor) ditubuhkan pada tahun 1994 untuk mentadbir aset dan pelaburan kerajaan negeri serta mewakili negeri dalam aktiviti ekonomi dan perniagaan yang berada di luar bidang kuasa kerajaan negeri. MBI Selangor juga memainkan peranan dalam mempromosikan dan menyokong usaha pembangunan kerajaan Negeri Selangor, serta melaksanakan tanggungjawab sosial untuk kepentingan awam.

Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan secara dasar cadangan pengurusan Tempat Letak Kereta (TLK) di Negeri Selangor melalui kaedah kerjasama antara MBI dengan syarikat swasta/rakan kerjasama yang berkelayakan melalui pelaksanaan Request for Proposal (RFP) bagi mengurus dan meningkatkan pengoperasian TLK di seluruh PBT di negeri Selangor.

Notis RFP

MBI Selangor ingin menjemput syarikat-syarikat yang berpengalaman, berkelayakan, dan berdaftar untuk menyertai Request for Proposal (RFP) berikut:

| Tajuk RFP | Dokumen Kelayakan | Tarikh/Masa Penutupan Kelayakan |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------|
| <p>REQUEST FOR PROPOSAL (Ref: MBI/RFP/TLK/001) TEMPAT LETAK KERETA PINTAR SELANGOR [SELANGOR INTELLIGENT PARKING (SIP)]</p> | <p><u>Untuk syarikat yang berdaftar di Malaysia</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Salinan sah dokumen pendaftaran syarikat dengan Suruhannya Syarikat Malaysia; <u>ATAU</u> • Surat dari kedutaan yang berkaitan atau pengisytiharan yang disahkan oleh notari awam/pesuruhjaya sumpah yang mengesahkan bahawa ia adalah syarikat yang sah; <p><u>DAN</u> semua perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Profil dan keterangan syarikat; • Bukti kerja terdahulu syarikat dalam pengurusan tempat letak kereta. | <p>Tarikh Akhir untuk Mengemukakan Dokumen Kelayakan</p> <p>22 Jan 2025, Rabu (12.00pm)</p> |

1. Permintaan Proposal ini terbuka untuk penyertaan dari semua syarikat
 2. Syarikat juga boleh melihat iklan ini laman web www.mbiselangor.com
 3. Penghantaran dan pertanyaan hendaklah dihantar terus melalui emel ke rfp.sip@mbiselangor.com.my

TikTok dapat lesen media sosial

SHAH ALAM - Tencent (WeChat) menjadi penyedia perkhidmatan pertama dilesenkan bawah keperluan pelesenan bagi penyedia perkhidmatan pesanan internet dan media sosial.

Menurut Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), ByteDance (TikTok) juga memperoleh lesen manakala Telegram dalam peringkat akhir proses pelesenan, lapor Bernama.

Kenyataan pada 1 Januari menyebut Meta yang mengendalikan Facebook, Instagram dan WhatsApp juga memulakan proses mendapatkan lesen yang dijangka dimuktamadkan tidak lama lagi.

Bagaimanapun, X (dahulunya dikenali sebagai Twitter) dan Google yang mengendalikan YouTube belum membuat permohonan lagi atas beberapa faktor, kata SKMM.

Kurangkan garam dalam masakan

SHAH ALAM - Kempen kurangkan garam dalam masakan akan dilancarkan pada tahun ini, kata Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Beliau memberitahu inisiatif tersebut lanjutan kempen memerangi gejala merokok dan pengurangan kandungan gula yang diadakan sepanjang tahun lalu.

"Selepas ini, kita akan kempen perangi garam. Ini sebahagian hasrat kita untuk mengurangkan risiko penyakit empat serangkai yang kerap dihadapi masyarakat," katanya pada 1 Januari.

Dalam Belanjawan 2025, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan perang terhadap gula dengan menaikkan kadar duti eksais minuman bergula secara berfasa mulai 1 Januari bagi mengawal penyakit kencing manis yang kian meningkat dalam kalangan masyarakat.

Undang-undang baharu jenayah siber

SHAH ALAM - Agensi Keselamatan Siber Negara (Nacsa) sedang merangka Rang Undang-Undang (RUU) Jenayah Siber baharu yang dijangka dibentangkan dalam sidang parlimen pada 15 Oktober.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Dr Megat Zuhairy Megat Tajuddin berkata ia bertujuan menggantikan Akta Jenayah Komputer 1997 yang dianggap lapuk dalam menangani ancaman siber, lapor Bernama.

"Kita sebenarnya mahu menyemak Akta Jenayah Komputer 1997 tetapi saya rasa lebih relevan jika mempunyai akta baharu berbanding menyemak akta lama, ia lebih rumit," katanya pada 8 Januari.

Beliau berkata RUU itu menjadi keperluan utama bagi Malaysia untuk menyertai dua konvensyen antarabangsa pada Jun bagi menunjukkan komitmen negara dalam memerangi jenayah sedemikian.

5.2 juta murid dapat RM150

SHAH ALAM - Bantuan Awal Persekolahan (BAP) sebanyak RM150 untuk setiap murid tahun satu hingga tingkatan empat bagi sesi persekolahan 2024/2025 disalurkan mulai 13 Januari.

Agihan untuk pelajar tingkatan enam semester dua dan murid tahun satu sesi sama pula dijalankan mulai 16 Februari manakala agihan kepada pelajar tingkatan enam bermula 1 Julai.

Kerajaan memperuntuk RM791.25 juta khusus untuk bayaran BAP kepada setiap murid secara sekali bayar yang memberi manfaat kepada lebih 5.2 juta murid, lapor Bernama.

"Pada tahun ini, buat pertama kali inisiatif BAP turut diperluas kepada pelajar tingkatan enam," menurut kenyataan Kementerian Pendidikan pada 10 Januari.

Agihan tersebut dilakukan pengu-

rusan sekolah secara serahan tunai kepada ibu bapa atau atau murid sekolah menengah selain kredit ke akaun bank murid atau akaun ibu bapa mereka.

"Inisiatif BAP menyerlahkan keprihatinan kerajaan Madani untuk meringankan beban perbelanjaan dalam menyediakan kelengkapan anak bagi menghadapi sesi persekolahan," kata kementerian lagi.

130 pelatih sukarela lapor diri

PLKN 3.0 bermula secara berperingkat

SHAH ALAM - Setelah hampir tujuh tahun dimansuh, Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) 3.0 kembali dijalankan pada tahun ini dengan konsep dan format baharu.

Lebih 130 pelatih sukarela dari seluruh negara melapor diri pada 12 Januari bagi Latihan Percubaan PLKN 3.0 di Kem Rejimen 515 Askar Wataniah di ibu negara, lapor Bernama.

Semua individu berusia antara 18 sehingga 20 tahun itu bakal menjalani latihan ketenteraan dan kenegaraan selama 45 hari yang berakhir pada 25

Februari.

Program secara berperingkat itu bertujuan memupuk semangat patriotisme, perpaduan nasional dan jati diri anak muda selain mendedahkan mereka pengalaman latihan fizikal dan mental.

Ia melibatkan 13 kem askar wataniah, 20 universiti awam, 33 politeknik, 27 institusi pendidikan guru dan institusi latihan kemahiran awam serta institusi latihan perindustrian.

PLKN 3.0 siri dua diadakan pada 11 Mei hingga 24 Jun diikuti 7 September

hingga 21 Oktober di Kem Rejimen 515 Askar Wataniah dan Kem Rejimen 505 Askar Wataniah, Pekan di Pahang.

Diperkenalkan pada akhir 2003, PLKN menyediakan latihan tiga bulan meliputi fizikal, kenegaraan, pembinaan watak dan khidmat masyarakat kepada 85,000 hingga 95,000 pelatih setahun.

Program yang menelan belanja RM600 juta setahun itu dihenti pada 2015 tetapi diteruskan pada 2016 sebagai PLKN 2.0 membabitkan 20,000 pelatih setahun sebelum dimansuh pada Ogos 2018.

Remaja bersemangat ikuti latihan

SHAH ALAM - Seorang remaja yang bercita-cita menjadi anggota tentera menaiki bas seorang diri sejauh 135 kilometer ke ibu negara untuk menyertai Program Latihan Khidmat Negara 3.0.

Pelajar tingkatan enam Sekolah Menengah Kebangsaan Temerloh itu menumpang rumah rakan-nya di ibu negara sebelum mendaftar di Kem Rejimen 515 Askar Wataniah pada 12 Januari.



"Saya sudah lama bercita-cita menjadi peserta PLKN 3.0 sebab hendak alami sendiri macam mana kehidupan dalam pasukan bersegaram," kata Chee Ming Hang yang berusia 20 tahun.

Pelatih Muhammad Khayriel Ikhsan Suip, 18, dari Puchong pula mengakui minat terhadap kegiatan lasak mendorongnya untuk menawarkan diri sebagai peserta PLKN 3.0.

"Saya sebelum ini memang ahli Pasukan Kadet Bersatu Malaysia. Ketika ini saya mengikuti pengajian dalam diploma penguatkuasa undang-undang di sebuah kolej swasta," katanya.

Berdebar tetapi yakin berupaya mengikuti program itu hingga tamat, U Mugesh Varmaan, 19, dari Klang juga menyertai PLKN kerana memasang impian menjadi anggota tentera.

"Saya ingin menggunakan peluang ini untuk mengejar cita-cita saya menjadi seorang tentera," katanya.

SKMM siasat hantaran palsu ADN

SHAH ALAM - Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) merakam keterangan Ahli Dewan Negeri Sungai Burong ekoran hantaran palsu mengenai perdana menteri pada tahun lalu.

Percakapan Mohd Zamri Mohd Zainuddin atau Ustaz Zamri Mantop dari Perikatan Nasional diambil pada 7 Januari untuk siasatan selepas akaun Facebooknya didakwa memuat naik hantaran palsu.

"Satu unit telefon pintar dan satu unit kad sim diminta untuk diserahkan sebagai bahan bukti kes. Analisis forensik akan dijalankan ke atas peranti itu untuk siasatan lanjut," kata SKMM.

Mohd Zamri disiasat bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang memperuntuk denda maksimum RM50,000 atau penjara satu tahun atau kedua-duanya jika disabitkan.

SKMM turut memohon orang ramai berhati-hati memuat naik tulisan di media sosial dengan memastikan maklumat yang disebar sah bagi menjamin persekitaran selamat kepada masyarakat.

Pada 2 Januari, Setiausaha Politik Dato' Menteri Besar Saifuddin Shafi Muhammad mengingatkan Mohd Zambri untuk mempamer etika dan integriti selaku wakil rakyat, bukannya penyebar fitnah.



SIHAT... Pengunjung memeriksa tekanan darah dalam Karnival Kebudayaan Kepelbagaian Budaya Keharmonian Kita 2025 di Masjid Jamek Cina Muslim, Klang pada 12 Januari. Foto Majlis Bandaraya Diraja Klang

Tingkat keyakinan pelabur

Seragam tatacara urusan PBT

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

KUALA LANGAT - Tatacara penguurusan berkaitan perancangan bandar membabitkan semua pihak berkuasa tempatan (PBT) akan diselaras, kata EXCO Kerajaan Tempatan Dato' Ng Suee Lim.

Beliau memberitahu isu-isu utama yang melibatkan tatacara yang tidak seragam antaranya kelewatan kelulusan projek dapat ditangani dengan lebih berkesan melalui pelarasan tersebut.

"Sebelum ini proses kelulusan projek ambil masa tiga bulan setengah tetapi dengan adanya penyeragaman dan penyelarasan, ia me-

mastikan amalan terbaik PBT dapat dilaksanakan.

"Apabila ada pelarasan, kita dapat memastikan perancangan dibuat tepat masa," katanya dalam bengkel libat urus penyelarasan dan penyeragaman amalan terbaik PBT pada 6 Januari.

Bengkel yang disertai 63 wakil 12 PBT termasuk Bahagian Perunding Kawalan Pemajuan Jabatan Kerajaan Tempatan turut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif Invest Selangor Dato' Hasan Azhari Idris.

Suee Lim menjelaskan pelarasan amalan antara PBT itu dijangka berupaya menarik pelabur sekali gus meningkatkan perkembangan ekonomi negeri kerana ia memudah-

cara melaksana projek.

"Saya diberi amanah untuk memikul tanggungjawab jawatankuasa PBT, oleh itu saya mahu memastikan ada anjakan paradigma serta menjadi PBT terbaik di Malaysia."

Lembah Klang Raya Selangor (SGKV) adalah model metropolitan untuk memperkukuh ketersambungan ekonomi dan fizikal empat bandar raya iaitu Petaling Jaya, Shah Alam, Subang Jaya dan Klang.

Diumumkan dalam Belanjawan 2024 melalui peruntukan RM2 juta, SGKV berpotensi menjadi gagasan ekonomi utama Asia Tenggara dan mampu tersenarai antara lima lembah utama di Asia.

Buka lima pusat kitar pandu lalu

SHAH ALAM - Selepas Pusat Kitar Semula Pandu Lalu Automatik (ATDReC) sulung beroperasi di Cyberjaya tahun lalu, sekurang-kurangnya lima lagi ATDReC dibuka dalam tahun ini.

Pengarah Urusan KDEB Waste Management (KDEBWM) Dato' Ramli Mohd Tahir berkata kemudahan itu akan diperluas ke Masjid At-Tuqo', Kuala Selangor yang dijangka beroperasi bulan depan.

Menjelaskan ATDReC di Cyberjaya mendapat sambutan baik, beliau memaklumkan pusat kitar semula ketiga

ditempatkan di pekarangan Masjid Al-Ubudiah, Ampang Jaya selewat-lewatnya pada Mac.

"Kemudahan antara usaha menyokong amalan kitar semula yang boleh dilakukan 24 jam selain menjimatkan kos urus sampah," katanya pada 10 Januari.

Ramli memberitahu ATDReC di Cyberjaya mengutip kira-kira 7.76 tan barangan kitar semula antara April hingga Disember iaitu purata 862 kilogram setiap bulan.

"Barangan kitar semula paling ba-

nyak dikumpulkan adalah kertas campur berjumlah sebanyak 2.4 tan dari tempoh April hingga Disember," katanya.

Beroperasi 24 jam, ATDReC turut dilengkapi kamera litar tertutup bagi memudahkan masyarakat mengamalkan kitar semula barangan seperti kertas, surat khabar lama, botol plastik dan wayar.

Pada tahun lalu, inovasi yang dibangunkan KDEBWM itu menerima pengiktirafan dalam Majlis Anugerah PC.Com 2024 sebagai Pembekal Perkhidmatan Kitar Semula Inovatif Terbaik.

Kutipan sampah pukul perayaan

SHAH ALAM - KDEB Waste Management (KDEBWM) membekal tong sampah pukul (Roro) kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk pembuangan sampah pukul sempena Tahun Baharu Cina.

Pengarah Urusannya Dato' Ramli Mohd Tahir berkata kawasan itu antaranya 348 lokasi di Shah Alam selain Klang dan Subang Jaya berdasarkan permohonan membabitkan penyediaan 800 slot.

"Pada setiap musim perayaan, KDEBWM bekerjasama dengan PBT untuk membekal tong Roro atau membuat kutipan rumah ke rumah bagi kemudahan penduduk membuang sampah pukul," katanya.

Permohonan perkhidmatan kutipan sampah pukul boleh dibuat melalui talian 03-8081 4437 atau WhatsApp 011-3538 4437 antara 13 Januari hingga 21 Januari.

Sentiasa pantau kawasan cerun

SHAH ALAM - Semua kawasan cerun dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) sentiasa dipantau dari semasa ke semasa, kata Yang Dipertuanya Dr Ani Ahmad.

Beliau menjelaskan pemantauan tersebut bertujuan mengelak kejadian tanah runtuh berulang sekali gus dapat memastikan keselamatan penduduk setempat terjamin.

"MPAJ juga mengeluarkan notis kepada semua pemaju supaya sentiasa memantau dan mengambil tindakan keselamatan di tapak pembangunan masing-masing," katanya baru-baru ini.

Mengulas tanah runtuh di Taman Melawati pada Oktober, beliau berkata kerja senggara longkang selesai pada 14 November manakala notis kepada pemilik tanah dikeluarkan bagi penyelenggaraan cerun.

Lokasi kejadian tanah runtuh di Taman Melawati itu antara 114 daripada 600 titik panas yang dikenal pasti di Ampang Jaya sebagai zon merah atau sangat berisiko.

Perbaharui lesen hingga 31 Januari

SHAH ALAM - Tempoh pembaharuan lesen industri, perniagaan dan iklan bawah Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) dilanjutkan hingga 31 Januari depan, kata Datuk Bandar Dato' Abd Hamid Hussain.

Beliau berkata semua pemilik diingatkan untuk segera memperbaharui lesen tersebut di kaunter atau dalam talian melalui Sistem MyLesen. Tiada denda dikenakan sepanjang tempoh itu.

"MBDK turut membuka kaunter pembaharuan lesen termasuk membantu memberi khidmat nasihat penggunaan sistem MyLesen.

"Kaunter dibuka mulai 23 Disember hingga 31 Januari di Dewan Hamzah setiap hari Isnin hingga Jumaat dari jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang," katanya baru-baru ini.

Asrama anak yatim siap 57 peratus

SHAH ALAM - Yayasan Islam Darul Ehsan (Yide) menyeru sumbangan orang ramai untuk menjayakan pembinaan Kompleks Asrama Anak Yatim Pulau Indah yang kini mencapai 57 peratus siap.

Pengurus Besarnya Nur Mohd Razali Abdullah memberitahu anggaran kos pembangunan sebanyak RM17 juta dengan sumbangan terkumpul RM10.3 juta setakat 31 Disember 2024.

"Kita akan menempatkan sekitar 200 anak yatim dengan kemudahan lengkap dan kondusif seperti asrama, surau, dewan serba guna, pusat komersial dan gelanggang permainan," katanya pada 10 Januari.

Yide menyeru infak wang dan harta ke tabung pembinaan melalui pautan yide.com.my/infaq-kompleks-anak-yatim/ bagi memastikan kompleks itu siap seperti dirancang pada 29 Januari 2026.

Pantau anak GISBH yang dibebaskan

SHAH ALAM - Semakan berkala dijalankan agensi berkaitan terhadap kanak-kanak GISB Holdings (GISBH) yang dilepaskan daripada pusat pemulihan kepada ibu bapa atau penjaga sah.

EXCO Agama Islam Dr Mohammad Fahmi Ngah berkata Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) berhak mengambil mereka semula jika berlaku sebarang masalah.

"Kita mempunyai 434 kanak-kanak, namun setakat ini hanya 61 masih berada di pusat pemulihan. Mereka yang dilepaskan pulang adalah bersyarat dan tertakluk pada semakan berkala.

"Bagi yang ada di pusat pemulihan, kita terus mengesan ibu bapa mereka selain tempoh jagaan kanak-kanak ini hingga hujung Januari," katanya menambah kanak-kanak yang kekal di rumah masih menjalani proses pemulihan.

Agih RM461,700 sumbangan raya

SHAH ALAM - Sebanyak RM461,700 sumbangan perayaan diagih kepada 2,220 individu yang kurang berkemampuan di negeri ini, kata yang dipertua Pertubuhan Kebajikan dan Amal Wanita Selangor (Pekawani).

Menurut Datin Seri Masdiana Muhammad, RM162,000 diserahkan kepada 600 penerima sempena Tahun Baharu Cina, Deepavali RM159,100 (860 penerima) dan RM140,600 untuk 760 penerima meraikan Aidilfitri.

"Sumbangan dijalankan serentak di setiap Dewan Undangan Negeri (DUN) di Selangor, kita ada ahli Pekawani yang mengagihkan bantuan perayaan RM150 ini.

"Ada juga kita agihkan menerusi majlis termasuk tambahan bantuan barangan keperluan asas hasil sumbangan agensi."

ECRL taja kepok, nisan baharu

SHAH ALAM - Pemaju Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) menaja pembinaan kepok dan batu nisan baharu selepas selesai mengalih 90 plot di Tanah Perkuburan Islam Selat Klang berakhir pada 9 Januari.

EXCO Agama Islam Dr Mohammad Fahmi Ngah berkata pentadbiran negeri berunding dengan pemaju sebagai tanda prihatin terhadap waris

dan ahli keluarga yang terlibat, lapor Bernama.

Beliau menjelaskan proses pengalihan tersebut dilakukan mengikut tatacara operasi piawai sewajarnya dengan kerjasama polis dan Kementerian Kesihatan.

Dr Fahmi turut memberi jaminan semua pihak memainkan peranan dengan baik dalam memastikan

jenazah dikuburkan semula secara tepat dan berdasarkan hukum yang sah.

"Kita ada terima makluman, ada beberapa waris tidak berpuas hati kerana tidak dibenarkan melihat proses ini.

"Namun harus diingat ada antara jenazah terlibat meninggal dunia akibat Covid-19, jadi atas faktor itu dan faktor keselamatan lain, kita perlu ambil langkah sepatutnya," katanya.

Maklum waris sebelum 5 Januari

Kerja alih 90 kubur patuhi tatacara

Oleh **AFEEQA AFEERA ABDUL RASOL**

SHAH ALAM - Sebanyak 90 plot kubur di Tanah Perkuburan Islam Selat Klang selesai dialih pada 9 Januari bagi memberi laluan kepada jajaran projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL).

Menurut pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais), kerja selama empat hari mulai 6 Januari dijalankan menerusi Pelan Tindakan Pengalihan Tapak Perkuburan Islam.

Dato' Mohd Shahzihan Ahmad ber-

kata proses yang dipantau Jabatan Mufti Selangor dan polis mematuhi pelan bersama Kementerian Kesihatan Malaysia dan Malaysia Rail Link (MRL).

"Sepanjang proses pengalihan kubur, waris dan orang awam

dilarang mendekati kawasan (itu) bagi memastikan langkah kesihatan, keselamatan dan kelancaran kerja di lapangan," katanya.

Katanya, makluman untuk waris mengesahkan plot kubur ahli keluarga dibuat sebelum 5 Januari di semua masjid dan surau solat Jumaat pada 20, 27 Disember 2024 dan 3 Januari 2025.

Mohd Shahzihan berkata Majlis Bandaraya Diraja Klang turut membuat hebahan melalui Facebook, manakala MRL mengadakan hebahan awam melalui laman sesawang dan papan tanda di tapak.

"Jais bersyukur dan berterima kasih kepada semua agensi terlibat dan waris dalam memastikan pengalihan 90 plot kubur Tanah Perkuburan Islam Selat Klang disempurnakan dengan lancar.

"Jais juga akan mengadakan majlis bacaan Yasin, tahlil dan doa untuk jenazah terlibat dalam pengalihan kubur dalam tempoh terdekat dan semua waris akan dimaklumkan," katanya lagi.



Tiada lagi solat 17 rakaat serentak

SHAH ALAM - Akidah 124 anak-anak yang diselamatkan dari rumah amal GISB Holdings (GISBH) September tahun lalu, semakin pulih dan mereka kembali mengikut ajaran agama sebenar.

EXCO Agama Islam Dr Mohammad Fahmi Ngah memberitahu tiada lagi amalan atau perilaku seperti menunaikan solat sekali sehari dengan menghimpunkan 17 rakaat pada satu-satu masa.

"Dahulu itu amalan mereka, solat sekali sehari campurkan semua

rakaat sembahyang dari Subuh sampai Isyak. Kita tidak letakkan sebarang sasaran tetapi mahu betulkan akidah mereka.

"Mereka taasub dengan Abuya sampai tidak benar kita tukarkan pakaian, kopiah kerana percaya berkat Abuya. Sekarang semua berubah, mereka boleh berkomunikasi dengan baik," katanya.

Beliau menjelaskan tempoh penjagaan anak-anak berusia antara 12 hingga 18 tahun tamat hujung bulan ini dan pihaknya akan membuat

permohonan lanjutan kepada mahkamah jika perlu.

Katanya, mereka yang masih dalam jagaan disebabkan Kerajaan Negeri tidak dapat mengesan ibu bapa atau penjaga sah mereka, dipercayai ahli GISBH sendiri, selain tiada yang menuntut.

"Dari segi fizikal, keadaan mereka ke arah positif. Pemantauan Kementerian Kesihatan sentiasa ada. Kita pastikan mereka mendapat nutrisi lengkap supaya pertumbuhan seimbang," katanya.

Talian Jais beri sokongan emosi

SHAH ALAM - Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) memperkenalkan talian psikososial percuma bagi membantu orang ramai yang memerlukan sokongan emosi, khidmat nasihat dan bimbingan krisis.

Fungsi perkhidmatan tersebut antaranya memberi khidmat nasihat dan pemerihalan masalah diri, keluarga

serta kehidupan masyarakat supaya bersedia menghadapi cabaran dengan lebih positif.

"Selain itu, rujukan kepada khidmat dan akses pakar dalam bidang berkeperluan khas serta bantuan bersesuaian," kata kenyataan di Facebook.

Menurut Jais lagi, perkhidmatan berkenaan juga bertujuan menambah

baik sistem penyampaian perkhidmatan kepada segenap lapisan masyarakat.

Orang ramai boleh menghubungi talian melalui www.facebook.com/jaisel.official/posts/909514788035044 pada waktu pejabat mulai 8.30 pagi hingga 4.30 petang setiap Isnin hingga Jumaat kecuali cuti umum.



PRIHATIN... Ketua Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) Ahmad Azri Zainal Nor menyerahkan sumbangan kepada legenda bola sepak Selangor Azman Adnan di Hulu Langat pada 12 Januari. Foto NUR ADIBAH AHMAD IZAM ▶ BERITA MUKA 24

Cungkil bakat pelajar sekolah

Selangor Future Cup rancak e-sukan

Oleh **SOFIA NASIR**

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri bersama Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor bakal memperkenalkan Selangor Future Cup bagi merencanakan lagi aktiviti e-sukan dalam kalangan pelajar.

Pengarah MSN Selangor Mohamad Nizam Marjuki memberitahu kejohanan berkenaan membabitkan penyeretaan pelajar menengah dengan kerjasama pihak sekolah.

"Tahun ini kita rancang menganjur-

kan Selangor Future Cup untuk merencanakan lagi pembangunan e-sukan kepada belia, khususnya pelajar sekolah menengah.

"Kita sedang dapatkan kerjasama pihak sekolah, bagi memastikan setiap aktiviti yang disertai pelajar ini mendapat kebenaran dan mereka juga tidak kecikiran pelajaran," katanya pada 7 Januari.

Sejak tahun lalu, menurut beliau, program e-sukan sentiasa mendapat sambutan menggalakkan terutamanya ketika Karnival Jelajah Belia Madani.

Berhubung pembangunan gudang e-sukan, Mohamad Nizam berkata projek berkenaan dijangka mengambil masa kerana melibatkan banyak pihak selain isu pemilikan bangunan.

"Bangunan itu masih dimiliki oleh Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan), jadi MSN belum boleh beri apa-apa maklum balas. Mungkin akan ambil masa sedikit."

Dalam belanjawan tahun ini, Kerajaan Negeri mengumumkan dana RM1 juta bagi mengubah suai Hotel Carlton untuk dijadikan gedung e-sukan.

MPKj bina padang bola sintetik

HULU LANGAT - Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) membelanjakan RM2.6 juta bagi membina padang bola sintetik yang lengkap kemudahan riadah awam di Kompleks Sukan Seksyen 15, Bandar Baru Bangi.

Bakal siap akhir Mei, yang dipertuannya berkata padang seluas 7,200 meter persegi mengikut piawaian Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (Fifa) itu turut dilengkapi penyerap hentakan rumput tiruan bagi mengurangkan kesan jatuh dan perlanggaran kepada pemain.

Nazli Md Taib berkata padang itu bu-

kan sahaja memanfaatkan komuniti setempat tetapi boleh digunakan pasukan bola sepak negeri atau antarabangsa untuk berlatih.

"Kita sasar untuk bina padang sintetik yang menepati piawaian Fifa. Padang sedia ada ini kita naik taraf dan tukar rumput kepada rumput sintetik. Kontraktor yang dilantik juga berpengalaman dan pernah membina beberapa padang yang memenuhi piawaian badan antarabangsa itu.

"Cuma di sini konsepnya sedikit berbeza, selain padang bola sepak terdapat kemudahan awam lain yang di-

gunakan untuk riadah," katanya selepas menyempurnakan majlis pecah tanah pada 13 Januari.

Beliau berkata MPKj juga merancang membina beberapa lagi padang sintetik yang bukan saja sesuai untuk aktiviti riadah tetapi bakal menjadi sumber pendapatan kepada pihak berkuasa tempatan itu.

"MPKj ada banyak kawasan lapang yang sesuai dijadikan padang sintetik. Jadi memang kita rancang untuk membina beberapa lagi sebab ia boleh mendatangkan pendapatan kepada pihak majlis," katanya.

Malaysia juara dunia boling IBF

SHAH ALAM - Skuad boling lelaki negara mencipta sejarah menjuarai kejohanan Piala Dunia Boling IBF (Persekutuan Boling Dunia) di Kowloon, Hong Kong dalam acara berpasukan.

Malaysia yang dibarisi Tun Hakim Tun Hasnul Azam, Timmy Tan, Muhd Rafiq Ismail dan Ahmad Muaz Fishol menewaskan Puerto Rico 3-2 di pentas akhir pada 14 Januari, lapor Berita Harian.

Terikat 2-2 selepas empat set, Malaysia mempamer persembahan bertenaga dengan 227 jatuhan pin sementara Puerto Rico sekadar melakukan 161 pada set penentuan.

Kecemerlangan skuad lelaki kebangsaan itu mengikut kejayaan diraih pemain wanita negara Natasha Mohamed Roslan yang menjuarai acara perseorangan pada 11 Januari.

FAM manfaat dana tambahan

SHAH ALAM - Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) berjanji untuk memanfaatkan peruntukan tambahan yang diumumkan perdana menteri bagi meningkatkan program pembangunan pasukan kebangsaan di setiap peringkat.

Presidennya Tan Sri Hamidin Mohd Amin berkata usaha tersebut termasuk mempersiapkan pasukan utama skuad Harimau Malaya supaya lebih kompetitif dalam setiap kejohanan antarabangsa, lapor Bernama.

"Dana ini juga akan digunakan oleh FAM untuk aspek pengurusan organisasi bagi memacu perubahan, memastikan pemain skuad kebangsaan mendapat sokongan terbaik daripada tenaga pakar yang dilantik."

Pada 12 Januari, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan tambahan dana RM15 juta untuk pembangunan sukan bola sepak yang bakal dibiayai pihak swasta menjadikan keseluruhan RM30 juta.

3,500 pelajar sertai klinik ragbi

SHAH ALAM - Seramai 3,500 pelajar dibimbing sepanjang penganjuran klinik ragbi di 33 sekolah rendah seluruh negeri bermula Disember tahun lalu, kata presiden Kesatuan Ragbi Selangor.

Menurut Lim Yi Wei, program dengan kerjasama Sime Darby Property Berhad itu memberi pendedahan awal mengenai sukan berkenaan, selain membantu sekolah mengendalikan pasukan dalam usaha membangunkan bakat muda.

"Program ini dibiayai oleh Sime Darby dan mendapat sokongan dari Jabatan Pendidikan Negeri Selangor. Pelajar juga dilatih oleh pegawai teknikal sukan pejabat pendidikan daerah mengikut kawasan masing-masing selaku tenaga pengajar.

"Harapan saya pelaksanaan klinik di setiap daerah dapat membawa sukan ragbi Selangor ke tahap lebih tinggi," katanya pada 13 Januari.



DATO' NG SUEE LIM
Sekinchan

merasmikan majlis anugerah kecermerlangan pelajar di DUN beliau

NAJWAN HALIMI
Kota Anggerik

memberi sumbangan sempena perayaan Pongal di Seksyen 16, Shah Alam



JAMALIAH JAMALUDDIN
Bandar Utama

hadir sambutan Tahun Baharu Cina Persatuan Warga Emas Damansara Jaya di DUN beliau

ABBAS AZMI
Seri Serdang

meninjau program derma darah di Permai Court, Subang Jaya



DATUK JOHAN ABD AZIZ
Dusun Tua

menziarah penduduk yang kehilangan ahli keluarga di DUN beliau

CHUA WEI KIAT
Rawang

menyampaikan alatan persekolahan kepada ahli TAWAS di DUN beliau



WONG SIEW KI
Seri Kembangan

mengedar sampul duit kepada peniaga pasar malam di DUN beliau

SYED AHMAD ALHADAD
Lembah Jaya

merasmikan kejohanan ragbi 2025 di Sekolah Kebangsaan Lembah Jaya, Ampang Jaya



RM25,000 bantu mangsa banjir

HULU SELANGOR - Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI mengagih kira-kira RM25,000 kepada penduduk Kampung Selisek dan Kampung Serigala, Hulu Bernam yang terjejas banjir pada Ogos tahun lalu.

Ketua Yayasan Ahmad Azri Zainal Nor berkata sumbangan merangkumi wang tunai RM500 kepada 47 keluarga, bakul makanan dan barangan keperluan kepada kira-kira 200 mangsa.

"Ketika kejadian pada awal Ogos itu, kita serahkan bakul makanan dan wang tunai RM100. Hari ini kita serahkan baki RM400 untuk setiap keluarga bagi meringankan beban mereka.

"Kita perlukan sedikit masa lengkapkan dokumentasi sebelum serahan dibuat. Kita harap sumbangan ini membantu mereka selepas berdepan banjir yang mengakibatkan kerugian," katanya.

Beliau menyerahkan bantuan ber-

kenaan di Dewan Serbaguna Kampung Sekolah Sungai Selisek, Hulu Bernam Selatan di sini pada 13 Januari.

Pada 5 Ogos tahun lalu, seramai 143 penduduk daripada 50 buah keluarga ditempatkan di pusat pemindahan sementara selepas rumah mereka dinaiki air setinggi 0.3 meter.

Kejadian itu menjejaskan penduduk antaranya Kampung Serigala, Kampung Sungai Nilam dan Kampung Sekolah.

Rancak program kesenian negeri

Anjur pertandingan muzik keroncong

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri bakal menganjurkan pertandingan muzik keroncong peringkat kebangsaan tahun ini, maklum EXCO Kebudayaan Datuk Borhan Aman Shah.

Beliau memberitahu program berkenaan dijalankan dengan kerjasama Radio Televisyen Malaysia itu sebagai inisiatif memelihara seni asli tradisional.

"Tahun lepas kita anjur pertandingan cempuling. Ini usaha negeri dalam me-



martabat muzik asli ke peringkat antarabangsa. Tahun ini, kita anjur pertandingan keroncong," katanya.

Menurut Dato' Menteri Besar, dana RM1.3 juta diperuntuk dalam belanjawan tahun ini bagi mengadakan program kebudayaan dengan kerjasama badan bukan kerajaan dan penggiat seni.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata muzik cempuling yang menjadi seni warisan akan diperluas ke peringkat sekolah di seluruh daerah sekali gus men-

jadi identiti Selangor.

Sementara itu, Borhan berkata Selangor sekali lagi bakal menganjurkan edisi kedua pertandingan Asli Battle of The Bands (ABOTB) tahun ini.

"Edisi pertama hanya melibatkan kumpulan dari Selangor tapi kali ini kita perluas penyertaan dari kaum asal negeri ini. Kita mahu bakat mereka digilap," katanya.

ABOTB disertai 25 kumpulan muzik dengan Kumpulan Mayang mewakili Gombak dan Petaling dinobatkan juara selepas menewaskan tujuh kumpulan lain dalam peringkat akhir pada November 2023.

Naik taraf kolam takungan elak bah

SHAH ALAM - Projek menaik taraf kolam takungan di bulatan Berkeley, Bandar Baru Klang hampir siap dan bakal beroperasi dalam masa terdekat, kata wakil rakyat Bandar Baru Klang.

Menjelaskan ia berupaya mengurangkan masalah banjir kilat di kawasan sekitar, Dr Quah Perng Fei memberitahu ada dua kolam iaitu di Jalan Sumazau, Bukit Raja dan bulatan Berkeley.

"Bagi Jalan Sumazau yang mempunyai satu pam air statik dan dua

bergerak (mobile) telah beroperasi, cuma di bulatan Berkeley sahaja sedang laksana proses pembersihan.

"Antara inisiatif lain yang diambil bagi menangani isu banjir kilat termasuk meninggikan struktur longkang dan meningkatkan kerja pembersihan," katanya pada 11 Januari.

Selain itu, Dr Perng Fei turut berbincang dengan wakil rakyat Meru Mariam



Abdul Rashid bagi mencari jalan untuk mengatasi masalah banjir beberapa kawasan sekitar di Klang.

"Banjir di Klang berlaku akibat limpahan air dari dua lokasi di Aman Perdana dan Sementa, perbincangan dilakukan supaya kita dapat mencari penyelesaian untuk rakyat," katanya.

Pada November tahun lalu, lima kawasan di Klang termasuk Bandar Bukit Raja dinaiki air ekoran hujan lebat berterusan.

Enjoykajang MPKj promosi pelancongan

HULU LANGAT - Pelbagai kawasan tarikan pelancong dipromosi melalui platform Enjoykajang Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) bagi memperkenalkan keunikan destinasi kepada pengunjung.

Yang Dipertuanya Nazli Md Taib berkata MPKj giat melaksanakan inisiatif itu sejak tahun lalu untuk meningkatkan promosi kawasan berkenaan selaras Tahun Melawat Selangor 2025 (TMS2025).

"Menerusi Enjoykajang MPKj di



pelbagai platform media sosial termasuk Facebook dan Instagram, kita bantu promosi kawasan tarikan termasuklah ekopelancongan, rekreasi serta makanan.

"Kita mahu tarik pelancong kerana Kajang ini bukan hanya ada Sate Kajang tetapi banyak lagi seperti tempat perkhemahan, taman tema air dan sukan," katanya pada 13 Januari.

Tarikan yang dipromosi menerusi platform itu antaranya kedai biskut

klasik di Kajang yang beroperasi 118 tahun sejak 1907 dengan 4,000 jenis pilihan, keropok dan pelbagai manisan.

Selain itu, lorong seni di pekan Kajang bertema 'Kajang dulu-dulu', kawasan pendakian Bukit Broga dan kolam air panas Sungai Lalang juga antara destinasi pilihan ramai.

Sempena TMS2025, Kerajaan Negeri menyasar kehadiran lapan juta pengunjung dengan potensi transaksi RM11.7 bilion. Dana RM8 juta disediakan bagi menaik taraf kemudahan pelancongan.

Naik taraf laluan pejalan kaki

SHAH ALAM - Kerja naik taraf laluan pejalan kaki dan lampu isyarat antara tumpuan utama wakil rakyat Kampung Tunku bagi meningkatkan tahap keselesaan masyarakat pada tahun ini.

Menurut Lim Yi Wei, usaha berkenaan juga bertujuan menangani masalah kepulauan penduduk setempat dan persediaan menuju ke negeri muna.

"Saya akan mohon peruntukan sama ada melalui Projek Selangor Penyayang, Parlimen Petaling Jaya dan Jabatan Kerja Raya Selangor," katanya pada 13 Januari.

Beliau turut memberi perhatian untuk menaik taraf kemudahan sekolah dan rumah ibadat dengan berbincang bersama wakil kumpulan bagi mengenal pasti keperluan sebenar mereka.

Yi Wei berharap segala perancangan yang dirangka pentadbiran negeri dalam Belanjawan 2025 disalurkan kepada rakyat dengan sebaik mungkin.

Kerjasama sedia kuih bakul

HULU SELANGOR - Tradisi penduduk Kuala Kubu Bharu bergotong-royong dalam menyediakan kuih bakul atau 'Nian Gao' menjelang Tahun Baharu Cina diteruskan lagi pada tahun ini.

Menurut wakil rakyatnya, tradisi sejak 12 tahun itu menjadi simbol perpaduan dan semangat kerjasama masyarakat termasuk Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Kuala Kubu Bharu serta anak muda.

"Setiap tahun generasi muda akan berkumpul menyediakan bahan keperluan untuk membuat Nian Gao sehingga lewat malam dan memasaknya sehingga awal pagi.

"Saya menyokong usaha anak muda ini dengan turun padang dan memberi suntikan dana bagi menunjukkan kepentingan amalan tradisi nenek moyang kita," kata Pang Sock Tao pada 12 Januari.

Program kepimpinan untuk belia

SHAH ALAM - Belia berusia 18 hingga 26 tahun di Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Tiga dipelawa menyertai program kepimpinan yang dijadual bermula Februari hingga Mei.

Wakil rakyatnya Danial Al Rashid Haron berkata program Akademi Kepimpinan Batu Tiga itu memberi pendedahan mengenai fungsi DUN dan parlimen selain mengilap bakat pemimpin pelapis.

"Peserta juga berpeluang berbincang mengenai polisi awam secara langsung bersama ADN Selangor dan diberi kesempatan menjadi penggerak komuniti di DUN Batu Tiga," katanya di Facebook.

Program berkenaan terhad kepada 30 belia, orang ramai yang berminat boleh membuat pendaftaran melalui pautan bit.ly/AkademiB3 sebelum atau pada 20 Januari.

Barangan jualan
murah ditambah

8

Tambah Jetpatcher,
kukuh turapan

5

Daftar BINGKAS
mulai 1 Februari

4

Pemaju ECRL taja
kepok, nisan baharu

20

Selangor Future Cup
rancak e-sukan

21

selangorkini

Tampung kos Azman bedah lutut

HULU LANGAT - Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI menghulur sumbangan RM3,000 bagi membantu pemain legenda bola sepak negeri menjalani pembedahan lutut.

Ketuanya Ahmad Azri Zainal Nor menjelaskan bantuan kepada Azman Adnan dibuat atas dasar keprihatinan Dato' Menteri Besar terhadap bekas pemain kebangsaan itu.

"Azman mengalami kecederaan lutut sejak sekian lama dan Dato' Seri Amirudin Shari terpenggal bersama-sama untuk memberi sumbangan.

"Yayasan MBI berharap pembedahan ini berjalan dengan baik dan saudara Azman dapat kembali berkhidmat dalam bola sepak khususnya di Selangor," katanya pada 12 Januari.

Ditemui selepas melawat Azman di rumahnya, Azri berkata Yayasan MBI mahu memastikan kebajikan bekas pemain itu dibela, dihargai dan mendapat bantuan sewajarnya atas sumbangan mereka.

Pusat rekreasi masih ditutup

SHAH ALAM - Kawasan rekreasi air terjun Serendah dan santuari ikan Sungai Chiling, Hulu Selangor ditutup sementara untuk kerja naik taraf kemudahan awam hingga diberitahu kelak.

Justeru, Penerangan Daerah Hulu Selangor memaklumkan orang ramai diminta cakna dan tidak mengunjungi kawasan terlibat bagi mengelak perkara tidak diingini berlaku.

Menurutnya, hebahan Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) sebelum ini terjejas ekoran papan tanda dan notis di laluan masuk hilang akibat sikap tidak bertanggungjawab sesetengah pihak.

"Ini bukan sahaja mengelirukan orang ramai tetapi turut membimbangkan semua pihak terutama keselamatan pengunjung kerana hasil pemantauan MPHS masih ada datang berkelah," kata kenyataan.



CERIA... Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari bersama piala Kejohanan Golf Antarabangsa Remaja Selangor keempat di Kelab Golf Seri Selangor, Petaling Jaya pada 15 Januari. Hadir sama Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Setia Haris Kasim (dua, kanan) dan Ketua Pegawai Eksekutif PKNS Golf Services Management Sdn Bhd Mohd Zubir Idrus (kanan). Foto HAFIZ OTHMAN

Tarik pembaca tujuh hingga 14 tahun

Buku kanak-kanak tokoh Islam

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

SHAH ALAM - Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE) menerbitkan buku kisah hidup tokoh Islam terkemuka dunia Imam al-Ghazali edisi kanak-kanak yang dijangka menemui pembaca Februari ini.

Menurut eksekutif jualan dan pemasarannya, naskah yang memapar perjalanan hidup Hujjatul Islam itu penuh ilustrasi dan warna, sesuai

untuk pembaca muda berusia tujuh hingga 14 tahun.

"Ini kisah hidup tokoh Islam dunia iaitu Muhammad bin Muhammad al-Ghazali. Kita mahu kanak-kanak kenal tokoh Islam dengan cara menyeronokkan," kata Mohammad Hakim Mohammad Hood pada 5 Januari.

Beliau memberitahu IBDE yang menerima geran Kerajaan Negeri juga menerbitkan empat lagi buku termasuk satu daripadanya hasil kerjasama dengan Media Selangor iaitu Perincian

terjemahan judul asal Tafsil Thanawi (2017).

Selain itu, tiga lagi buku bakal diterbitkan pada tahun ini berjudul Suri Hati Nabi, Warisan Ilmu Islam dan Dalail Khairat yang merupakan selawat karangan Imam al-Jazuli.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari sebelum ini mengumumkan dana RM2 juta untuk meneruskan usaha penterjemahan karya utama bagi mencambahkan perkembangan ilmu tahun ini.

pancawarna

Lobi PPR Lembah Subang I bak hotel

Lengkap CCTV,
aras enam blok
D dihiasi lampu
candelier



12&13

Awas! Cegah rebakan virus hMPV

Panduan elak
jangkitan, kes
makin meningkat
tahun lalu



14

Murung hayati watak pejuang

Beto dedah menyendiri
berbulan-bulan,
sesalan masa
muda



9